Kuning/ yellow

..... [1M]

(ii) Berdasarkan data dalam Jadual 1, plotkan graf tinggi mendakan melawan isi padu larutan kalium kromat(VI).


*Based on the data in Table 1, plot a graph of the height of precipitate against volume of potassium chromate(VI) solution.*

(iii) Tentukan isi padu larutan kalium kromat(VI) yang bertindak balas lengkap dengan  $5 \text{ cm}^3$  larutan plumbum(II) nitrat.

*Determine the volume of potassium chromate(VI) solution that completely reacts with  $5 \text{ cm}^3$  lead(II) nitrate solution.*

5  $\text{cm}^3$

..... [1M]



(iv) Hitung bilangan mol ion kromat(VI) yang bertindak balas dengan 1 mol ion plumbum(II).

*Calculate the number of mole of chromate(VI) ion that reacts with 1 mol of lead(II) ion.*

$$\text{Number of mole of } \text{CrO}_4^{2-} \text{ ion} = 1 \times 5/1000 = 0.005 \text{ mol}$$

Bil. mol ion  $\text{CrO}_4^{2-}$

$$\text{Number of mole } \text{Pb}^{2+} \text{ ion} = 1 \times 5/1000 = 0.005 \text{ mol}$$

Bil. mol ion  $\text{Pb}^{2+}$

0.005 mol  $\text{Pb}^{2+}$  react with 0.005 mol  $\text{CrO}_4^{2-}$  //


1 mole  $\text{Pb}^{2+}$  react with 1 mole  $\text{CrO}_4^{2-}$

0.005 mol  $\text{Pb}^{2+}$  bertindak balas dengan 0.005 mol  $\text{CrO}_4^{2-}$  //

1 mol  $\text{Pb}^{2+}$  bertindak balas dengan 1 mol  $\text{CrO}_4^{2-}$  [2M]

(v) Berdasarkan jawapan anda di 6(a)(iv); bina persamaan ion bagi pembentukan plumbum(II) kromat(VI).

*Based on the answer in 6(a)(iv); construct an ionic equation for the formation of lead(II) chromate(VI).*



..... [1M]

(vi) Beri satu sebab mengapa tinggi mendakan plumbum(II) kromat(VI) adalah sama dalam tabung uji 5, 6 dan 7.

*Give a reason why the height of lead(II) chromate(VI) is the same in test tubes 5, 6 and 7.*


All of  $\text{Pb}^{2+}$  ions have reacted completely //

Semua ion  $\text{Pb}^{2+}$  telah bertindak balas dengan lengkap

..... [1M]

(b) Rajah 6 menunjukkan sebuah bikar yang mengandungi campuran dua pepejal garam plumbum yang diberikan kepada pelajar dalam makmal sekolah.


*Diagram 6 shows a beaker containing a mixture of two solid lead salts given to students in a school laboratory.*



Hurai dengan ringkas bagaimana kedua-dua garam tersebut dapat diasingkan.  
*Describe briefly how both salts can be separated.*

1. Add distilled water into the mixture and stir  
*Tambah air suling ke dalam campuran dan kacau*
2. Filter // Turas
3. Rinse // Bilas

**[2023-JohorSkudai-05]** Rajah 5 di bawah menunjukkan eksperimen yang telah dijalankan oleh Mee Ling di sekolahnya untuk membina persamaan ion garam yang tidak larut dengan menggunakan kaedah perubahan berterusan.  
*Diagram 5 below is the experiment carried out by Mee Ling in her school to construct ionic equation of insoluble salt by using continuous variation method.*



Berdasarkan maklumat di atas./ *Based on the information above.*

- (a) Berikan maksud garam./ *Give the meaning of salt.*

Sebatian ion yang terhasil apabila ion hidrogen daripada asid digantikan dengan ion logam atau ion ammonium  
*Ionic compound produced when hydrogen ion from acid is replaced by metal ion or ammonium ion*

.....[1M]

(b) Kirakan bilangan mol  $5 \text{ cm}^3$  dari  $0.5 \text{ mol dm}^{-3}$  larutan plumbum(II) nitrat.  
*Calculate the number of mol  $5 \text{ cm}^3$  of  $0.5 \text{ mol dm}^{-3}$  lead (II) nitrate solution.*

Mol Pb(NO<sub>3</sub>)<sub>2</sub>


$$\begin{aligned} n &= MV / 1000 \\ &= 0.0025 \text{ mol} \end{aligned}$$

[1M]

(c) Graf di bawah menunjukkan ketinggian mendakan melawan isipadu larutan kalium iodida yang telah dimasukkan.

*Graph below show the height of precipitate against volume of potassium iodide solution that added.*

Ketinggian mendakan / Height of precipitate (cm)



(i) Apakah isipadu larutan kalium iodide yang diperlukan untuk tindak balas yang lengkap Larutan plumbum(II) nitrat?

*What is volume of potassium iodide solution needed for complete reaction with lead(II) nitrate solution?*

5 cm<sup>3</sup>

..... [1M]

(i) Kirakan bilangan mol larutan kalium iodide yang telah bertindak balas dengan  $0.5 \text{ mol dm}^{-3}$  larutan plumbum(II) nitrat. Kemudian kirakan bilangan mol ion iodide, I<sup>-</sup> yang bertindak balas lengkap dengan 1 mol ion plumbum, Pb<sup>2+</sup>  
*Calculate number of mole of potassium iodide that reacted with  $0.5 \text{ mol dm}^{-3}$  lead(II) nitrate solution. Then calculate number of mole iodide ion, I<sup>-</sup> that completely reacted with 1 mol lead ion, Pb<sup>2+</sup>*

Mol KI

$$\begin{aligned} n &= MV / 1000 \\ &= 0.005 \text{ mol} \end{aligned}$$

Number of Mol Pb<sup>2+</sup> : Number of mol I<sup>-</sup>

0.0025 mol : 0.005 mol

1mol : 2mol

So chemical formula is PbI<sub>2</sub>

[3M]

(e) State the one similarities and differences of lead(II) Iodide and lead(II) Chloride.

*Nyatakan satu persamaan dan perbezaan plumbum(II) iodide dan plumbum(II) klorida.*

Plumbum(II) iodide dan plumbum(II) klorida adalah garam tak terlarutkan

*Lead(II) Iodide and lead(II) chloride is insoluble salt*

Warna mendakan

*Colour of precipitate of lead(II) iodide is yellow, colour of precipitate lead(II) chloride is white*

..... [2M]

**[2023-Perak-05]** (a) Seorang murid menjalankan eksperimen untuk membina persamaan ion bagi pembentukan mendakan plumbum(II) iodida dengan menggunakan kaedah X. Jadual 2 menunjukkan ketinggian mendakan yang terbentuk di dalam setiap tabung uji.

*A student carries out an experiment to construct ionic equation for the formation of lead(II) iodide by using method X. Table 2 shows the height of precipitate formed in each test tubes.*

Tabung uji/ Test tube	1	2	3	4	5	6	7
Isi padu larutan plumbum(II) nitrat 0.5 mol dm <sup>-3</sup> (cm <sup>3</sup> ) <i>Volume of 0.5 mol dm<sup>-3</sup> lead(II) nitrate solution (cm<sup>3</sup>)</i>	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00	5.00
Isi padu larutan kalium iodida 1.0 mol dm <sup>-3</sup> (cm <sup>3</sup> ) <i>Volume of 1.0 mol dm<sup>-3</sup> potassium iodide solution (cm<sup>3</sup>)</i>	1.00	2.00	3.00	4.00	5.00	6.00	7.00
Tinggi mendakan (cm) <i>Height of precipitate (cm)</i>	1.1	2.2	3.3	4.4	5.5	5.5	5.5

(i) Nyatakan nama kaedah X./ State the name of method X.

Kaedah perubahan berterusan // Continuous variation method

..... [1M]

(ii) Berdasarkan Jadual 2, tentukan isi padu larutan kalium iodida yang bertindak balas lengkap dengan 5 cm<sup>3</sup> larutan plumbum(II) nitrat.

*Based on Table 2, determine the volume of potassium iodide solution that completely reacts with 5 cm<sup>3</sup> lead(II) nitrate solution.*

5.00 cm<sup>3</sup>

..... [1M]

(iii) Hitung bilangan mol ion iodida yang bertindak balas dengan 1 mol ion plumbum(II).

*Calculate the number of mole of iodide ion that reacts with 1 mole of lead(II) ion.*

P1: Bilangan mol ion  $\text{Pb}^{2+}$  =  $(0.5)(5)1000 / 0.0025 \text{ mol}$

P2: Bilangan mol ion  $\text{I}^-$  =  $(1.0)(5)1000 / 0.005 \text{ mol}$

P3:  $0.0025 \text{ mol } \text{Pb}^{2+} : 0.005 \text{ mol } \text{I}^-$

$1 \text{ mol } \text{Pb}^{2+} : 2 \text{ mol } \text{I}^-$

[3M]

(iv) Berdasarkan jawapan di 5(a)(iii), bina persamaan ion bagi pembentukan plumbum(II) iodida.


*Based on the answer in 5(a)(iii), construct an ionic equation for the formation of lead(II) iodide.*



..... [1M]

**[SPM2019-10]** Diagram 8 shows a pie chart which containing the percentages of ions present in sea water.

Rajah 8 menunjukkan satu carta pai yang mengandungi peratus ion yang hadir dalam air laut.



(a) Salt consists of the combination between positive ion and negative ion.  
*Garam terdiri daripada gabungan ion positif dan ion negatif.*

Based on the information in Diagram 8,

*Berdasarkan maklumat dalam Rajah 8,*

(i) suggest two salts that are present in the sea water other than common salt, NaCl. Describe a chemical test to verify one anion presents in the suggested salt. [6 marks]

cadangkan dua garam yang hadir dalam air laut selain daripada garam biasa, NaCl. Huraikan satu ujian kimia untuk mengesahkan satu anion yang hadir dalam garam yang dicadangkan. [6 markah]

1. Sodium sulphate /  $\text{Na}_2\text{SO}_4$  // Natrium sulfat
  2. Magnesium chloride /  $\text{MgCl}_2$  // Magnesium klorida
  3. Magnesium sulphate /  $\text{MgSO}_4$  // Magnesium sulfat
- [Any two ]

Test for  $\text{Cl}^-$  ion

1. Add  $\text{HNO}_3$  / Tambah  $\text{HNO}_3$
2. Add  $\text{AgNO}_3$  solution / Tambah larutan  $\text{AgNO}_3$
3. White precipitate formed / Mendakan putih terbentuk
4.  $\text{Cl}^-$  ion present // Ion  $\text{Cl}^-$  hadir

Or

Test for  $\text{SO}_4^{2-}$  ion

1. Add  $\text{HCl}/\text{HNO}_3$  // tambah  $\text{HCl}/\text{HNO}_3$
2. Add  $\text{BaCl}_2$  solution // Tam bah larutan  $\text{BaCl}_2$
3. White precipitate formed // Mendakan putih terbentuk
4.  $\text{SO}_4^{2-}$  ion present // Ion  $\text{SO}_4^{2-}$  hadir

[Any one chemistry test]

(ii) suggest chemical substances that can be used to produce insoluble magnesium salt and insoluble sulphate salt using precipitation method.

Write the ionic equations involved. [4 marks]

cadangkan bahan kimia yang boleh digunakan untuk menghasilkan garam magnesium tak terlarutkan dan garam sulfat tak terlarutkan menggunakan kaedah pemendakan. Tulis persamaan ion yang terlibat. [4 markah]

$\text{Mg}^{2+}$  ion

1. Sodium carbonate // Natrium karbonat //  $\text{Na}_2\text{CO}_3$
- Potassium carbonate // Kalium karbonat //  $\text{K}_2\text{CO}_3$
2.  $\text{Mg}^{2+} + \text{CO}_3^{2-} \rightarrow \text{MgCO}_3$

$\text{SO}_4^{2-}$  ion

1. Barium nitrate // barium nitrat //  $\text{Ba}(\text{NO}_3)_2$
- lead(II) nitrate // Plumbeum(II) nitrat//  $\text{Pb}(\text{NO}_3)_2$
2.  $\text{Ba}^{2+} + \text{SO}_4^{2-} \rightarrow \text{BaSO}_4$


(b) Describe an experiment to prepare common salt, NaCl in a school laboratory using suitable acid and alkali. [10 marks]

Huraikan satu eksperimen untuk menyediakan garam biasa, NaCl di makmal sekolah dengan menggunakan asid dan alkali yang sesuai. [10 markah]

1. Sodium hydroxide // natrium hidroksida // NaOH  
and hydrochloric acid // asid hidroklorik // HCl
2. 100 cm<sup>3</sup> of 1.0 mol dm<sup>-3</sup> sodium hydroxide solution is poured into a conical flask  
100 cm<sup>3</sup> larutan natrium hidroksida 1.0 mol dm<sup>-3</sup> dituangkan ke dalam kelalang kon.
3. Add phenolphthalein into the conical flask  
tambah fenoltalein ke dalam kelalang kon itu
- 4 1.0 mol dm<sup>-3</sup> hydrochloric acid is poured into a burette and record initial reading  
1.0 mol dm<sup>-3</sup> asid hidroklorik dituangkan ke dalam buret dan rekod bacaan awal.
5. Flow acid into the conical flask until pink colour changes to colourless  
Alirkan asid ke dalam kelalang kon sehingga warna merah jambu bertukar ke tanpa warna
6. Record final burette reading // Rekod bacaan akhir buret
7. [Calculate the volume of acid used V cm<sup>3</sup>] //  
[Hitung isi padu asid yang digunakan V cm<sup>3</sup>]
8. Measure V cm<sup>3</sup> of acid and [20 - 100] cm<sup>3</sup> of sodium hydroxide solution and pour into beaker //  
Sukat asid V cm<sup>3</sup> dan [20- 100] cm<sup>3</sup> larutan natrium hidroksida dan tuang ke dalam bikar.  
# Isi padu yang digunakan dalam langkah 2
9. Heat the mixture until saturated // Panaskan campuran hingga tepu
10. Cool and filter// Sejukkan dan turas.

**[2023-MRSM-11]** (a) Rajah 9.1 menunjukkan carta alir untuk mengkaji sifat gas M.

Diagram 9.1 shows a flow chart to investigate the property of gas M.



Berdasarkan Rajah 9.1, terangkan perbezaan pemerhatian bagi larutan P dan larutan Q setelah dimasukkan penunjuk semesta.


*Based on Diagram 9.1, explain the difference in the observation in solution P and solution Q after universal indicator was added.*

[5 markah]

Larutan <i>Solution</i>	Pemerhatian <i>Observation</i>	Explanation <i>Penerangan</i>
P	Larutan hijau penunjuk semesta tidak berubah <i>The green universal indicator solution remains/ unchanged</i>	P2 Tidak menunjukkan sifat alkali <i>Not show alkaline properties.</i> P3 Gas M tidak mengion untuk menghasilkan ion hidroksida //Wujud sebagai molekul <i>Gas M not ionise to form hydroxide ion//Exist as molecule.</i>
Q	Larutan hijau penunjuk semesta berubah ke biru <i>Green universal indicator turns to blue</i>	P4 Menunjukkan sifat alkali <i>Show alkaline properties</i> P5 Gas M mengion dalam air menghasilkan ion hidroksida <i>Gas M dissolves in water and ionises to form hydroxide ion</i>


(b) Rajah 9.2 menunjukkan nilai pH bagi alkali Q dan R.  
*Diagram 9.2 shows the pH value of the alkali Q and R.*

Larutan Q  $0.1 \text{ mol dm}^{-3}$   
 $0.1 \text{ mol dm}^{-3}$  of Q solution



pH = 10

Larutan R  $0.1 \text{ mol dm}^{-3}$   
 $0.1 \text{ mol dm}^{-3}$  of R solution



pH = 13

Cadangkan nama bagi alkali Q dan R. Terangkan perbezaan antara nilai pH bagi kedua-dua alkali.

*Suggest the name of Q and R alkali. Explain the difference of the pH value between the two alkalis. [5 markah]*

P1 Q = Larutan ammonia  
Ammonia solution

P2 R = Larutan kalium hidroksida / natrium hidroksida  
Potassium hydroxide/ Sodium hydroxide solution

P3 Larutan ammonia adalah alkali lemah manakala larutan kalium hidroksida adalah alkali kuat

Ammonia solution is a weak alkali while potassium hydroxide solution is a strong alkali

P4 Larutan ammonia menghasilkan ion hidroksida berkepekatan rendah manakala larutan kalium hidroksida menghasilkan ion hidroksida berkepekatan tinggi  
Ammonia solution produces low concentration of hydroxide ions while potassium hydroxide solution produces high concentration of hydroxide ions.

P5 Semakin tinggi kepekatan ion hidroksida, semakin tinggi nilai pH  
The higher the concentration of hydroxide ion, the higher the pH value.

(c) Garam natrium sulfit,  $\text{Na}_2\text{SO}_3$  ditambahkan ke dalam buah-buahan kering dan minuman sebagai bahan pengawet dalam industri makanan. Pengambilan bahan berkenaan dalam kuantiti yang banyak akan menyebabkan kesan kerengsaan kulit dan asma.

*Sodium sulphite,  $\text{Na}_2\text{SO}_3$  salt is added to dry food and beverages as food preservatives. Excessive intake will cause skin irritation and asthma.*

(i) Nyatakan maksud garam. Pada pendapat anda, adakah garam ini boleh digunakan secara meluas dalam industri makanan dan minuman? Wajarkan jawapan anda.

*State the meaning of salt. In your opinion, should the salt be used widely in food and beverages industry? Justify your answer. [4 markah]*

P1 Sebatian ion yang terhasil apabila ion hidrogen daripada asid digantikan dengan ion logam dan ion ammonium  
Ionic compound that formed when hydrogen ion from an acid is replaced by metal ion and ammonium ion

P2 Ya  
Yes

P3 Menghalang pembiakan bakteria/mikroorganisma //  
Diambil dalam kuantiti yang sedikit  
Prevent the growth of bacteria/ microorganism//  
Consume in small quantity

P4 Makanan/Minuman tahan lama//  
Tidak membahayakan kesihatan  
Food/Drink last longer //

No harm to health // Does not harm the health

OR

P2 Tidak

No

P3 Mempunyai kesan sampingan

Has side effect

P4 Menjejaskan kesihatan // menyebabkan alahan

Harm to health / causing allergies


(ii) Pemanasan garam natrium sulfit,  $\text{Na}_2\text{SO}_3$  dalam medium berasid akan membebaskan sejenis gas yang menukar kertas litmus biru lembap kepada merah.

Dengan bantuan gambar rajah berlabel,uraikan kaedah yang boleh digunakan untuk menentukan identiti gas yang terbebas.

*The heating of sodium sulphite,  $\text{Na}_2\text{SO}_3$  in acidic medium will release a gas that change moist blue litmus paper to red .*

*With an aid of a label diagram, describe a method that can be used to confirm the identity of the gas released.[6 markah]*

P1 & P2




P3 Alirkan gas ke dalam tabung uji berisi  
Flow the gas into a test tube containing

P4 larutan kalium manganat(VII) berasid  
acidified potassium manganate(VII) solution

P5 Warna ungu larutan kalium manganat(VII) berasid dinyahwarnakan  
Purple colour of acidified potassium manganate(VII) solution decolorised

P6 Gas sulphur dioksida terhasil  
Sulphur dioxide gas is produced

**[2023-Melaka-11]** (a) Seorang pelajar meyediakan satu larutan piawai menggunakan natrium karbonat seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 9.1.  
*A student prepared a standard solution using sodium carbonate as shown in Diagram 9.1*



Setelah natrium karbonat dilarutkan, pelajar itu memindahkan larutan yang terhasil ke dalam kelalang volumetrik. Bekas yang diisi natrium karbonat dan bikar itu dibilas beberapa kali dengan air suling dan dituang ke dalam kelalang volumetrik.

*After the sodium carbonate is dissolved, the student transferred the solution into the volumetric flask. The container filled with sodium carbonate and the beaker is rinsed a few times with distilled water and poured into the volumetric flask.*

(i) Apakah yang dimaksudkan dengan larutan piawai?

Mengapa pelajar itu membilas bekas yang diisi dengan natrium karbonat dan bikar itu dengan air suling? Kenal pasti anion yang terdapat dalam larutan piawai yang terhasil.

*What is meant by standard solution?*

*Why did the student rinse the container filled with sodium carbonate and the beaker with distilled water? Identify the anion present in the standard solution formed.*

[3 markah/ marks]

1. Larutan yang diketahui kepekatannya dengan tepat//  
 Solution with accurately known concentration

2. Untuk memastikan semua natrium karbonat telah terlarut dan dipindahkan ke kelalang volumetrik  
 To ensure all of the sodium carbonate has been dissolved and transferred into the volumetric flask

3. Ion karbonat/  $\text{CO}_3^{2-}$   
 Carbonate ions

(ii) Berdasarkan Rajah 9.1, hitungkan kepekatan larutan piawai yang disediakan oleh pelajar itu sekiranya 53 g natrium karbonat dilarutkan dan dituang ke dalam kelalang volumetrik itu. [Jisim relatif natrium karbonat = 106]

*Based on Diagram 9.1, calculate the concentration of the standard solution prepared by the student if 53 g of sodium carbonate is dissolved and poured into the volumetric flask. [Relative mass of sodium carbonate = 106] [2 markah/ marks]*

[Dapat menghitung kepekatan larutan piawai dengan betul]


1. Bilangan mol natrium karbonat
2. Kepekatan dengan unit yang betul

Contoh jawapan:

$$\begin{aligned} 1. \frac{53}{106} &= 0.5 \\ 1000 \times 0.25 &/ 250 \text{ mol dm}^{-3} // 1.0 \text{ mol dm}^{-3} \end{aligned}$$

(iii) Rajah 9.2 menunjukkan satu carta alir bagi tindak balas yang berlaku apabila garam G dipanaskan. Larutan natrium karbonat dalam Rajah 9.1 telah digunakan dalam Tindak balas II untuk menghasilkan pepejal K.

*Diagram 9.2 shows a flow chart for the reactions occurred when salt G is heated. Sodium carbonate solution in Diagram 9.1 is used for Reaction II to produce solid K.*



Pepejal H yang terhasil bertukar daripada perang ke kuning setelah disejukkan, dan gas I yang terbebas berwarna perang.

Berdasarkan Rajah 9.2, kenal pasti garam G, pepejal H, gas I, gas J dan pepejal K. Tuliskan persamaan kimia bagi T indak balas II.

*Solid H produced turns from brown to yellow when cooled, and gas I released is brown in colour.*

*Based on Diagram 9.2 identify salt G, solid H, gas I, gas J, and solid K. Write the chemical equation for Reaction II.*

1. G : Plumbum nitrat/Pb(NO<sub>3</sub>)<sub>2</sub> / Lead oxide
2. H : Plumbum oksida/PbO / Lead oxide
3. I : Nitrogen dioksida/ NO<sub>2</sub>/Nitrogen dioxide
4. J : Oksigen/ O<sub>2</sub>/ Oxygen
5. K : Plumbum karbonat/PbCO<sub>3</sub>, Lead carbonate



(b) Seorang pelajar telah mendapati natrium karbonat yang digunakannya telah tertumpah dan bercampur dengan X karbonat. Rajah 9.3 menunjukkan campuran yang terhasil.

*A student found that the sodium carbonate that he used was spilled and mixed with X carbonate. Diagram 9.3 shows the mixture produced.*



Rajah 9.3 / Diagram 9.3

Huraikan kaedah yang boleh diambil oleh pelajar itu untuk mengasingkan kedua-dua garam karbonat itu. Huraikan juga bagaimana pelajar itu dapat mengesahkan kehadiran kation X di dalam garam itu.

*Describe a method that could be taken by the student to separate the two carbonate salts. Describe also, how the student could verify the presence of cation X in the salt.*

[8 markah/ marks]

1. Tuang campuran garam ke dalam bikar/ bekas  
*Pour the salt mixture into a beaker/ container.*

2. Masukkan air kedalam bikar  
*Pour water into the beaker.*

3. Turas garam/ *Filter the salt.*

4. Bilas garam dengan air/ *Rinse the salt with water.*

5. Tuangkan larutan garam ke dalam tabung uji  
*Pour the salt solution into a test tube.*

6. Tambahkan larutan natrium hidroksida berlebihan ke dalam tabung uji itu  
*Add excess sodium hydroxide solution into the test tube.*

7. Mendakan hijau terhasil tidak larut dalam natrium hidroksida berlebihan  
*Green precipitate formed is insoluble in excess sodium hydroxide solution.*


8. Ion  $\text{Fe}^{2+}$  hadir  
 *$\text{Fe}^{2+}$  is present*

**Bab 7**

**[SPM2021-V1-02]** Rajah 1.1 menunjukkan susunan radas bagi satu eksperimen untuk mengkaji kadar tindak balas antara  $10 \text{ cm}^3$  asid hidroklorik  $0.1 \text{ mol dm}^{-3}$  dengan ketulan Zink berlebihan.

*Diagram 1.1 shows the apparatus set-up for an experiment to study the rate of reaction between  $10 \text{ cm}^3$  of  $0.1 \text{ mol dm}^{-3}$  hydrochloric acid with excess zinc granules*

Ketulan zink  
Zinc granule



Jadual 2 menunjukkan isi padu gas yang terkumpul pada setiap sela masa 1 minit apabila  $1 \text{ cm}^3$  larutan kuprum(II) sulfat  $0.1 \text{ mol dm}^{-3}$  ditambah dalam eksperimen ini.

*Table 2 show the volume of gas collected at 1 minute intervals when  $1 \text{ cm}^3$  of  $0.1 \text{ mol dm}^{-3}$  copper(II) sulphate solution is added in this experiment.*

Masa(min) / Time(min)	0.0	1.0	2.0	3.0	4.0	5.0
Isi padu gas ( $\text{cm}^3$ ) / Volume of gas ( $\text{cm}^3$ )	0.0	11.3	15.8	18.0	18.0	18.0

(a) Apakah fungsi kuprum(II) sulfat dalam eksperimen ini?  
*What is the function of copper(II) sulphate in this experiment?*

Sebagai mangkin / As catalyst

..... [1M]

(b) Nyatakan isi padu gas yang terkumpul apabila kepekatan larutan kuprum(II) sulfat  $0.1 \text{ mol dm}^{-3}$  yang digunakan dalam eksperimen ini digantikan dengan larutan kuprum(II) sulfat  $0.5 \text{ mol dm}^{-3}$ .

*State the volume of gas collected when the concentration of  $0.1 \text{ mol dm}^{-3}$  copper(II) sulphate solution used in this experiment is replaced by  $0.5 \text{ mol dm}^{-3}$  copper(II) sulphate solution.*


18  $\text{cm}^3$

..... [1M]

(c) Rajah 1.2 menunjukkan gambar rajah profil tenaga bagi tindak balas dalam eksperimen ini.

*Diagram 1.2 shows the energy profile diagram for the reaction in this experiment.*


### Tenaga *Energy*.



Menggunakan paksi yang sama dalam Rajah 1.2. Lakarkan lengkung profil tenaga apabila kuprum(II) sulfat tidak ditambah dalam eksperimen itu.

*By using the same axis in Diagram 1.2, sketch the curve of energy profile when copper(II) sulphate is not added in the experiment. [1M]*

### Tenaga



(d) Tindak balas antara zink dengan asid hidroklorik berlaku apabila zarah bahan tindak balas berlanggar antara satu sama lain. Hanya perlanggaran berkesan akan menghasilkan hasil tindak balas.

*Reaction between zinc and hydrochloric acid occurred when the particles of reactant collide with each other. Only effective collision will produce products.*

Nyatakan dua keadaan yang diperlukan untuk perlanggaran berkesan berlaku.  
*State two conditions needed for an effective collision to occur.*

1. Orientasi betul

*Correct orientation*

2. Mencapai tenaga pengaktifan

*Achieve the activation energy*

..... [2M]

**[SPM22-08]** (a) Jadual 4 menunjukkan maklumat bagi dua set eksperimen yang telah dijalankan untuk menyiasat faktor yang mempengaruhi kadar tindak balas.  
*Table 4 shows the information of two sets of experiments that were conducted to investigate the factor that affects the rate of reaction.*

Set	Bahan tindak balas <i>Reactant</i>	Suhu ( $^{\circ}\text{C}$ ) <i>Temperature (<math>^{\circ}\text{C}</math>)</i>
I	Serbuk zink berlebihan + 50 cm <sup>3</sup> asid hidroklorik 0.1 mol dm <sup>-3</sup> <i>Excess zinc powder + 50 cm<sup>3</sup> of 0.1 mol dm<sup>-3</sup> hydrochloric acid</i>	40
II	Serbuk zink berlebihan + 50 cm <sup>3</sup> asid hidroklorik 0.1 mol dm <sup>-3</sup> <i>Excess zinc powder + 50 cm<sup>3</sup> of 0.1 mol dm<sup>-3</sup> hydrochloric acid</i>	50

Berdasarkan Jadual 4/ *Based on Table 4,*

(i) kenal pasti faktor yang mempengaruhi kadar tindak balas.  
*identify the factor that affects the rate of reaction.*

**Suhu / Temperature**

..... [1M]

(ii) Berikut merupakan persamaan kimia bagi tindak balas dalam eksperimen tersebut.

*The following is the chemical equation for the reaction in the experiment.*



Hitung isi padu maksimum gas hidrogen yang terhasil dalam Set I pada keadaan bilik. [1 mol sebarang gas menempati 24 dm<sup>3</sup> pada keadaan bilik]

*Calculate the maximum volume of hydrogen gas produced in Set I at room condition.  
[1 mol of any gas occupies 24 dm<sup>3</sup> at room conditions]*

Bilangan mol/Number of mol

$$= 0.1(50)$$

1000

$$= 0.1 \times 0.05$$

$$= 0.005$$

2 mol HCl menghasilkan 1 mol H<sub>2</sub>

2 mol of HCl produces 1 mol of H<sub>2</sub>

0.005 mol HCl menghasilkan 0.0025 mol H<sub>2</sub>

0.005 mol of HCl produces 0.0025 mol of H<sub>2</sub>

Isi padu/Volume :

$$= 0.0025 \times 24 \text{ dm}^3$$

$$= 0.06 \text{ dm}^3 / 60\text{cm}^3$$

[3M]

(iii) Nyatakan pemerhatian apabila gas hidrogen diuji dengan menggunakan kayu uji bernyala.

*State the observation when hydrogen gas is tested using lighted wooden splinter.*


Bunyi 'Pop' terhasil.

'Pop' sound is produced.

..... [1M]

(b) Berdasarkan maklumat pada Jadual 4, keputusan eksperimen ditunjukkan dalam Rajah 6.1 melalui lengkung I dan lengkung II, manakala lengkung III diperoleh apabila eksperimen diulang.

*Based on the information in Table 4. the results of the experiment are shown in Diagram 6.1 through curves I and II, whereas curve III is obtained when the experiment is repeated.*




Berdasarkan Rajah 6.1, terangkan bagaimana lengkung III diperoleh tanpa mengubah bahan tindak balas.

*Based on Diagram 6.1, explain how curve III is obtained without changing the reactants.*

Gunakan  $25 \text{ cm}^3$   $0.1 \text{ mol dm}^{-3}$  asid hidroklorik. Tambah mangkin kuprum(II) sulfat  $\text{CuSO}_4$  atau Gunakan  $12.5 \text{ cm}^3$  asid hidroklorik dengan kepekatan  $0.2 \text{ mol dm}^{-3}$ .  
*Use  $25 \text{ cm}^3$   $0.1 \text{ mol dm}^{-3}$  hydrochloric acid. Add catalyst copper(II) sulphate,  $\text{CuSO}_4$  or Use  $12.5 \text{ cm}^3$  hydrochloric acid with concentration of  $0.2 \text{ mol dm}^{-3}$ .*

[2M]

(c) Rajah 6.2 menunjukkan tablet antasid yang digunakan untuk merawat gastrik.  
*Diagram 6.2 shows antacid tablet used to treat gastric.*



Pada pendapat anda, adakah tablet antasid perlu ditelan atau dikunyah?  
Wajarkan jawapan anda.


*In your opinion, should antacid tablets be swallowed or chewed? Justify your answer.*

Tablet antasid perlu dikunyah. Lebih kecil saiz tablet meningkatkan jumlah luas permukaan. Ia mengambil masa yang lebih singkat untuk melegakan kesakitan.  
*Antacid tablets should be chewed. The smaller the size of tablets Increase total surface area. It's takes shorter time to relieve the pain.*

[3M]

**[SPM2014-06]** Rajah 5.1 menunjukkan graf jisim zink melawan masa bagi tindak balas antara zink dan asid hidroklorik. Dalam eksperimen ini,  $5.00 \text{ g}$  zink ditambahkan kepada  $100 \text{ cm}^3$  asid hidroklorik  $1.0 \text{ mol dm}^{-3}$  untuk mengkaji kadar tindak balas pada suhu  $30^\circ\text{C}$ .

*Diagram 5.1 shows the graph of the mass of zinc against time for the reaction between zinc and hydrochloric acid. In this experiment,  $5.00 \text{ g}$  of zinc is added to  $100 \text{ cm}^3$  of  $1.0 \text{ mol dm}^{-3}$  hydrochloric acid to study the rate of reaction at the temperature of  $30^\circ\text{C}$ .*



(a) Tulis persamaan kimia bagi tindak balas ini.  
*Write the chemical equation for the reaction.*



(b) Berdasarkan Rajah 5.1,/ *Based on Diagram 5.1,*

(i) mengapakah lengkung bagi graf kekal mendatar selepas  $t_1$  saat?  
*Why is the curve in the graph remains constant after  $t_1$  second?*

Semua asid hidroklorik telah bertindak balas lengkap dengan Zn  
*All hydrochloric acid was reacted completely with Zn*


..... [1M]

(ii) tentukan jisim zink yang tidak bertindak balas dalam eksperimen itu.  
*determine the mass of unreacted zinc in the experiment.*

1.75 g (daripada graf/ from the graph) ..... [1M]

(c) Dalam eksperimen ini, kadar tindak balas boleh ditentukan dengan mengukur isi padu gas hidrogen yang dihasilkan pada sela masa yang tetap. Lukis rajah susunan radas untuk eksperimen ini.

*In this experiment, the rate of reaction can also be determined by measuring the volume of hydrogen gas produced at regular intervals of time. Draw the apparatus set-up for the experiment.*




[2M]

(d) Eksperimen diulangi pada suhu  $40^{\circ}\text{C}$  dengan semua faktor lain kekal tidak berubah.

*The experiment is repeated at the temperature of  $40^{\circ}\text{C}$  with other factors remain unchanged.*

(i) Lakarkan lengkung yang diperoleh dalam eksperimen pada paksi yang sama dalam

*Sketch the curve obtained for this experiment on the same axis in Diagram 5.2.*



(ii) Berdasarkan jawapan anda di 6(d)(i), terangkan bagaimana suhu mempengaruhi kadar tindak balas dengan menggunakan teori perlanggaran.  
*Based on your answer in 6(d)(i), explain how temperature affects the rate of reaction by using collision theory.*

1. Suhu tinggi, menyebabkan kandungan tenaga kinetik zarah bertambah  
*The higher temperature, the higher kinetic energy of particles*

2. Bilangan perlanggaran di antara atom Zn dan ion H<sup>+</sup> bertambah  
*the frequency of collision between Zn atom and Hydrogen ion increases*

3. Bilangan perlanggaran berkesan di antara atom Zn dan ion H<sup>+</sup> bertambah  
*The frequency of effective collision between Zn atom and Hydrogen ion increases*

4. Kadar tindak balas lebih tinggi  
*rate of reaction is higher*

..... [3M]

(e) Selain daripada suhu, nyatakan satu faktor lain yang juga boleh mempengaruhi kadar tindak balas dalam eksperimen ini.

*Apart from temperature, state one other factor that will also affect the rate of reaction in this experiment.*

Saiz zink // kepekatan HCl // penambahan mangkin  
*Size of Zinc// concentration of HCl // [Add] catalyst ( $\text{CuSO}_4$ )*


..... [1M]

**[2023-MRSM-06]** Rajah 4.1 menunjukkan graf jisim zink melawan masa bagi mengkaji kadar tindak balas antara zink dan asid hidroklorik.

Dalam eksperimen ini, 4.0 g zink ditambahkan kepada  $100 \text{ cm}^3$  asid hidroklorik  $1.0 \text{ mol dm}^{-3}$  pada suhu bilik.

*Diagram 4.1 shows the graph of mass of zinc against time to study the rate of reaction between zinc and hydrochloric acid.*

*In this experiment, 4.0 g of zinc was added to  $100 \text{ cm}^3$  of  $1.0 \text{ mol dm}^{-3}$  hydrochloric acid at room temperature.*



Rajah 4.1 / Diagram 4.1

(a) Apakah yang dimaksudkan dengan kadar tindak balas bagi eksperimen ini?  
*What is the meaning of rate of reaction for this experiment?*

Perubahan/Pengurangan jisim zink per unit masa //  
*Change/decrease in the mass of zinc per unit time*

..... [2M]

(b) Tulis persamaan ion bagi tindak balas ini.  
*Write the ionic equation for the reaction.*

$\text{Zn} + 2\text{H}^+ \rightarrow \text{Zn}^{2+} + \text{H}_2$  ..... [2M]

(c) Berdasarkan Rajah 4.1, / Based on Diagram 4.1,

(i) mengapa kah lengkung bagi graf kekal malar selepas  $t_1$  saat.  
*why does the curve of the graph remain constant after  $t_1$  seconds.*

Semua asid HCl telah habis bertindakbalas //  
*All of the HCl acid has completely reacted*

..... [1M]


(ii) tentukan jisim zink yang bertindak balas dalam eksperimen ini.  
*determine the mass of zinc that react in this experiment.*

P1 Jisim Zn =  $4.00 - 0.75$

Mass Zn =  $3.25 \text{ g}$

..... [1M]

(d) Eksperimen ini diulangi dengan menggunakan kuantiti yang sama bagi semua bahan tindak balas untuk menghasilkan lengkung Y seperti dalam Rajah 4.2.  
*This experiment was repeated by using same quantity of all reactants to produce curve Y as in Diagram 4.2.*



Rajah 4.2/ Diagram 4.2

Berdasarkan Rajah 4.2, cadangkan satu faktor yang menghasilkan lengkung Y. Terangkan jawapan anda dengan menggunakan teori perlanggaran.

*Based on Diagram 4.2, suggest one factor that produced curve Y. Explain your answer by using collision theory.*

P1 Saiz zink // Suhu // Kehadiran mangkin Size of zinc // Temperature // Presence of catalyst

#### **Saiz zink / Size of zinc**

P2 Saiz zink yang kecil mempunyai jumlah luas permukaan lebih besar

P3 Frekuensi perlanggaran antara atom Zn dan ion H<sup>+</sup> lebih tinggi.

P4 Frekuensi perlanggaran berkesan antara zarah/atom Zn dan ion H<sup>+</sup> lebih tinggi

P2 Smaller size of zinc has larger total surface area

P3 The frequency of collisions between Zn atoms and H<sup>+</sup> ions is higher

P4 The frequency of effective collision between particles/ Zn atoms and H<sup>+</sup> ions is higher OR Suhu // Temperature

P2 Pada suhu lebih tinggi, zarah mempunyai tenaga kinetik yang lebih tinggi dan bergerak lebih laju

P3 Frekuensi perlanggaran antara atom Zn dan ion H<sup>+</sup> lebih tinggi.

P4 Frekuensi perlanggaran berkesan antara atom Zn dan ion H<sup>+</sup> lebih tinggi

P2 At higher temperature, particles gain more kinetic energy and moves faster

P3 The frequency of collisions between Zn atoms and H<sup>+</sup> ions is higher

P4 The frequency of effective collision between Zn atoms and H<sup>+</sup> ions is higher

ATAU

P2 Pada suhu lebih tinggi, zarah mempunyai tenaga kinetik yang lebih tinggi

P3 Lebih banyak zarah yang berlanggar dapat mengatasi tenaga pengaktifan

P4 Frekuensi perlanggaran berkesan antara atom Zn dan ion H<sup>+</sup> lebih tinggi

OR

P2 At higher temperature, particles gain more kinetic energy.

P3 More particles able to overcome the activation energy

P4 The frequency of effective collision between Zn atoms and H<sup>+</sup> ions is higher OR  
Mungkin / Catalyst

P2 Kehadiran mangkin menyediakan laluan alternatif dengan tenaga pengaktifan yang lebih rendah


P3 Lebih banyak zarah yang berlanggar dapat mengatasi tenaga pengaktifan yang lebih rendah P4 Frekuensi perlanggaran berkesan antara atom Zn dan ion H<sup>+</sup> lebih tinggi

P2 Catalyst provide alternative pathway for reaction with a lower activation energy.  
P3 More colliding particles able to overcome the lower activation energy

P4 The frequency of effective collision between Zn atoms and H<sup>+</sup> ions is higher ..... [4M]

**[Johor2022-SetB-08]** Rajah 8 menunjukkan susunan radas untuk mengkaji kadar tindak balas.

Diagram 8 shows the apparatus set up to study the rate of reaction.



(a)(i) Apakah maksud kadar tindak balas? /What is the meaning of rate of reaction?

Perubahan kuantiti bahan tindak balas terhadap masa

*Changes in the quantities of reactants over time*

.....[1M]

(ii) Apakah kebesan asid yang digunakan dalam tindak balas ini?

*What is the basicity of acid used in this reaction?*

asid monoprotik/ *monoprotic acid*

.....[1M]


(b) Jadual 1 menunjukkan keputusan eksperimen tersebut.

*Table 1 shows the results of the experiment.*

Masa(s) Time(s)	0	30	60	90	120	150
Bacaan penimbang elektronik (g) <i>Electronic balance reading</i>	243.00	241.38	240.57	240.57	240.57	240.57

(i) Tuliskan persamaan kimia bagi tindak balas ini.

*Write the chemical equation for this reaction.*



(ii) Hitungkan kadar tindak balas purata bagi keseluruhan tindak balas.

*Calculate the overall average rate of reaction.*

Kadar tindak balas purata dalam minit kedua

$$= \frac{243.00 - 240.57}{60}$$

$$= 0.04 \text{ g s}^{-1}$$

[2M]

(c) Bandingkan kadar tindak balas jika eksperimen diulangi dengan menggunakan serbuk magnesium.

*Compare the rate of reaction if the experiment is repeated by using magnesium powder.*

kadar tindak balas lebih tinggi.

*The rate of reaction is higher.*

Jumlah luas permukaan serbuk magnesium lebih besar.

*The total surface area of magnesium powder is larger.*

.....[2M]

(d) Bagaimana anda boleh mengubahsuai eksperimen ini agar kadar tindak balas boleh ditentukan dengan mengukur perubahan isi padu gas hidrogen terhadap masa?

*How could you modify this experiment so that the rate of reaction can be determined by measuring the change in volume of hydrogen gas against time?*

Penuhkan buret dengan air dan telangkupkannya ke dalam besen berisi air. *Fill the burette with water and invert it in a basin of water.*

Apitkan buret secara menegak.  
*Clamp the burette vertically.*

Sukatkan 50 cm<sup>3</sup> asid hidroklorik cair ke dalam kelalang kon dan Masukkan 3 cm pita magnesium ke dalam kelalang kon.

*Measure 50 cm<sup>3</sup> of dilute hydrochloric acid into a conical flask and put 3 cm of magnesium ribbon into the conical flask.*

Dengan serta merta tutupkan kelalang kon dengan penyumbat getah yang bersambung dengan salur penghantar.

Mulakan jam randik.

*Immediately close the conical flask with a rubber stopper connected to the delivery tube. Start the stopwatch.*

.....[3M]

**[2023-Melaka-09]** (a) Aiman menjalankan eksperimen untuk mengkaji penguraian hidrogen peroksida, H<sub>2</sub>O<sub>2</sub>. Dia merekodkan isi padu gas oksigen yang terbebas. Pada minit yang ke-5, dia menambahkan satu spatula serbuk hitam ke dalam larutan hidrogen peroksida, H<sub>2</sub>O<sub>2</sub>. Serbuk hitam yang digunakan dapat meningkatkan kadar penguraian hidrogen peroksida. Kenalpasti serbuk hitam itu dan nyatakan fungsi serbuk hitam yang digunakan.

*Aiman conducted an experiment to study the decomposition of hydrogen peroxide, H<sub>2</sub>O<sub>2</sub>. He records the volume of oxygen gas released. At the 5th minute, he adds one spatula full of black powder into the hydrogen peroxide solution, H<sub>2</sub>O<sub>2</sub>. Black powder used able to increase the rate of decomposition of hydrogen peroxide, Identify the black powder and state the function of the black powder used. [2M]*

Mangan(IV) oksida // MnO<sub>4</sub> // manganese(IV) oxide

Sebagai mangkin // mempercepatkan tindak balas // meningkatkan kadar tindak balas

*Act as catalyst // faster the reaction // increase the rate of reaction*


(b) Seorang pelajar menjalankan tiga set eksperimen untuk mengkaji faktor yang mempengaruhi kadar tindak balas antara 2 g marmar dan asid hidroklorik. Rajah 7.1 menunjukkan gambar rajah susunan radas bagi eksperimen tersebut.  
*A student carried out three sets of experiment to study the factors that affect the rate of reaction between 2 % of marble and hydrochloric acid. Diagram 1.1 shows the apparatus set-up for the experiment.*

15 cm<sup>3</sup> 1.0 mol dm<sup>-3</sup>  
asid hidroklorik, HCl  
+ air  
15 cm<sup>3</sup> 1.0 mol dm<sup>-3</sup>  
hydrochloric acid, HCl  
+ water




Eksperimen I  
Experiment I

15 cm<sup>3</sup> 5.0 mol dm<sup>-3</sup>  
asid hidroklorik, HCl  
+ air  
15 cm<sup>3</sup> 5.0 mol dm<sup>-3</sup>  
hydrochloric acid, HCl  
+ water



Eksperimen II  
Experiment II

15 cm<sup>3</sup> 1.0 mol dm<sup>-3</sup>  
asid hidroklorik, HCl  
+ air  
15 cm<sup>3</sup> 1.0 mol dm<sup>-3</sup>  
hydrochloric acid, HCl  
+ water




Eksperimen III  
Experiment III

Rajah 7.2 menunjukkan masa yang diambil untuk perubahan jisim marmar bagi Eksperimen I dan Eksperimen III.

Diagram 7.2 shows the time taken for change in mass of marble for Experiment I and Experiment III.

Jisim marmar (g)  
mass of marble (g)



(i) Tuliskan persamaan kimia bagi tindak balas antara marmar dan asid hidroklorik. Hitungkan nilai X. [Jisim relatif marmar : 100]

Write the chemical equation for the reaction between marble and hydrochloric acid.  
Calculate the value of X. [Relative mass of marble : 100] [6 markah/ marks]



$$\text{Bilangan mol HC1} = 1 \times 15/1000 = 0.015$$

Number of moles

$$4.2 \text{ mol HC1} : 1 \text{ mol CaCO}_3 // \\ 0.015 \text{ mol HC1} : 0.0075 \text{ mol CaCO}_3$$

$$5. \text{ Jisim} // \text{mass} = 0.0075 \times 100 // 0.75$$

$$6. X = [2-0.75] = 1.25 \text{ g}$$

(ii) Bandingkan kadar tindak balas antara  
*Compare the rate of reaction between*

- Eksperimen I dan Eksperimen II/ *Experiment I and Experiment II*
- Eksperimen I dan Eksperimen III/ *Experiment I and Experiment III*

Terangkan perbandingan anda dengan merujuk kepada Teori Perlanggaran.  
*Explain your comparisons with reference to the Collision Theory.*

[10 markah/ marks]

1. Kadar tindak balas di Eksperimen II lebih tinggi berbanding di Eksperimen I  
*Rate of reaction in Experiment II is higher than in Experiment I*

2. Kepekatan asid hidroklorik di Eksperimen II lebih tinggi daripada Eksperimen I  
*Concentration of hydrochloric acid in Experiment II is higher than in Experiment I*

3. Bilangan zarah/ ion hidrogen/  $H^+$  per unit isipadu adalah lebih tinggi di Eksperimen II  
*Number of particles/ hydrogen ion/  $H^+$  per unit volume is higher in Experiment II*

4. Frekuensi perlanggaran antara  $H^+$  dan kalsium karbonat lebih tinggi di Eksperimen II  
*Frequency of effective collision between  $H^+$  and calcium carbonate is higher in Experiment II*

5. Frekuensi perlanggaran berkesan antara zarah lebih tinggi di Eksperimen II  
*Frequency of effective collision between particles is higher in Experiment II*

[Dapat membandingkan kadar tindak balas antara Eksperimen I dan Eksperimen III dengan betul]

1. Kadar tindak balas di Eksperimen III lebih tinggi berbanding di Eksperimen I  
*Rate of reaction in Experiment III is higher than in Experiment I*

2. Saiz marmar dalam Eksperimen III adalah lebih kecil dalam Eksperiment I  
*Size of marble in Experiment III is smaller than in Experiment I*

3. Jumlah luas permukaan marmar yang terdedah kepada perlanggaran dalam Eksperimen III lebih tinggi  
*Total surface area exposed to collision in Experiment III is higher*

4. Frekuensi perlanggaran antara ion hidrogen/  $H^+$  dan kalsium karbonat /  $CaCO_3$  lebih tinggi di Eksperimen III  
*Frequency of collision between hydrogen ion/  $H^+$  and calcium carbonate /  $CaCO_3$  is higher in Experiment III*

5. Frekuensi perlanggaran berkesan antara zarah lebih tinggi di Eksperimen III  
*Frequency of effective collision between particles is higher in Experiment III*

(c) Apabila gas hidrogen,  $H_2$  ditindakbalaskan bersama-sama dengan gas klorin,  $Cl_2$  gas hidrogen klorida,  $HCl$  terbentuk.

Bahan tindak balas, gas hidrogen,  $H_2$  dan gas klorin,  $Cl_2$  perlu berlanggar pada orientasi yang betul untuk menghasilkan perlanggaran berkesan dan tindak balas berlaku. Rajah 7.3 menunjukkan susunan atom bahan dan hasil tindak balas.

*When hydrogen gas,  $H_2$  is reacted with chlorine gas,  $Cl_2$  hydrogen chloride gas,  $HCl$  produced.*

*The reactants, hydrogen gas,  $H_2$  and chlorine gas,  $Cl_2$  need to collide in the correct orientation to produce an effective collision and reaction occur. Diagram 7.3 shows arrangement of atoms of reactants and products.*

Penunjuk :  
Key




Lukiskan gambar rajah berlabel bagi menunjukkan orientasi zarah bahan tindak balas, hidrogen,  $H_2$  dan klorin,  $Cl_2$  yang menghasilkan perlanggaran berkesan.

*Draw a labelled diagram to show the orientation of the reactant particles, hydrogen,  $H_2$  and chlorine,  $Cl_2$  that results in effective collisions.*

[2 markah / marks]

Contoh jawapan:


1. Peringkat 2 : Susunan zarah dalam orientasi yang betul
2. Peringkat 3 : susunan zarah dalam hasil tindak balas



**Bab 8**

**[SPM2021-08]** (a) Rajah 5 menunjukkan dua jenis bahan yang sering digunakan dalam pembinaan bangunan tinggi.

*Diagram 5 shows two types of substances that are frequently used in the construction of high rise building.*



Berdasarkan Rajah 5, / Based on Diagram 5,

(i) apakah bahan X? / what is substance X? ..... [1M]

Karbon / Carbon ..... [1M]

(ii) dalam pembinaan bangunan tinggi, bahan B lebih banyak digunakan dalam industri pembinaan. Berikan sebab anda.

*in the construction of high rise buildings, substance B is used more in construction industry. Give your reason.*

Lebih kuat // keras // kebolehtempaan  
Strong // harder // malleable ..... [1M]

(iii) satu tiang jeti telah dilanggar oleh sebuah feri dan menyebabkannya pecah. Sebagai seorang jurutera, pilih salah satu bahan dalam Rajah 5 dan apakah yang perlu anda lakukan dengan bahan tersebut bagi memperkuatkan tiang jeti itu? Berikan atasan anda.

*A jetty pillar was hit by a ferry and cause it to break. As an engineer, choose one of the substances in Diagram 5 and what should be done with the substance to strengthen the jetty pillar? Give your reason.*

1. Bahan B / Substance B

2. Campuran simen, batu kerikil dan pasir  
*Mixture of cement, stones and sand*

3. Tekanan yang tinggi // regangan yang tinggi // tahan hakisan  
*High compression strength//high stretching strength // resistant to corrosion*

(b) Jadual 5 menunjukkan maklumat tentang dua jenis kaca P dan kaca Q. Table 5 shows information about two types of glasses P and Q.

Jenis kaca <i>Type of glass</i>	Komposisi <i>Composition</i>	Kegunaan <i>Uses</i>
P	Silika <i>Silica</i>  Natrium karbonat <i>Sodium carbonate</i>  Kalsium karbonat <i>Calcium carbonate</i>	Tingkap kaca <i>Window glass</i>
Q	Silika <i>Silica</i>  Argentum klorida <i>Silver chloride</i>  Kalsium karbonat <i>Calcium carbonate</i>	Tingkap kaca <i>Window glass</i>

Jadual 5/ Table 5

(i) Nyatakan dua persamaan sifat bagi kaca P dan kaca Q.  
Kaedah Method	Persamaan Equation
I	Yis Glukosa → C <sub>2</sub> H <sub>5</sub> OH + CO <sub>2</sub> Glucose Yeast
II	Alkena X + H <sub>2</sub> O → C <sub>2</sub> H <sub>5</sub> OH Alkene X 300°C, 60 atm H <sub>3</sub> PO <sub>4</sub>

(i) Cadangkan alkena X dan lukis formula struktur bagi etanol. Pada pandangan anda, kaedah manakah yang lebih sesuai untuk menyediakan etanol dan berikan sebab bagi jawapan anda itu. [4 markah]

*Suggest alkene X and draw the structural formula of ethanol. In your opinion, which method is more suitable to prepare ethanol and give reasons for your answer. [4 marks]*

Etena // Ethene //  $C_2H_4$

Kaedah I // Method I

Bahan semula jadi // bahan organik // mudah didapati //  
*Natural substance // organic substance// easy to get// a : murah*

atau

Kaedah II / Method II

Boleh menghasilkan etanol dalam kuantiti yang banyak// Etanol boleh dihasilkan dalam masa yang singkat

*Can produce ethanol in large quantity // ethanol can be produced in shorter time*

..... [4M]

(ii) Cadangkan satu bahan semula jadi selain daripada larutan glukosa yang dapat diproses sehingga menghasilkan etanol di dalam makmal.

Huraikan secara ringkas langkah penyediaan etanol tersebut. [6 markah]

*Suggest one natural substance other than glucose solution that can be processed to produce ethanol in the laboratory. Describe briefly the steps of preparation of the ethanol. [6 marks]*

1. Anggur // Grapes // sukrosa // sucrose // (any suitable fruit / carbohydrate)

2. Kisarkan anggur itu // Blend the grapes (cara yang sesuai)

3. Tambah yis // Add yeast

4. Tutup kelalang kon ilu dan biarkan dalam masa 1 [1-7] hari //  
cover the conical flask and leave it for [1-7] days

[if mention isi padu 50 - 200cm<sup>3</sup>]

5. Turaskan // filter


6. Sulingkan hasil turasan // Distill the filtrate

# Gula ialah sukrosa

..... [6M]

**[SPM2021-09]** Rajah 6 menunjukkan carta alir pertukaran etanol kepada beberapa sebatian.

Diagram 6 shows a flow chart for the conversion of ethanol to a few compounds.



(a) Apakah yang dimaksudkan dengan hidrokarbon?

What is meant by hydrocarbon?

Sebatian yang mengandungi karbon dan hydrogen cahaja  
Compounds that contain carbon and hydrogen only.

[1M]

(b) Kenal pasti sebatian P, Q dan R. Nyatakan siri homolog dan lukiskan formula struktur bagi sebatian P, Q dan R.

Identify compounds P, Q and R. State the homologous series and draw the structural formula of compounds P, Q and R. [9 markah] [9 marks]

P : Etena // Ethene // $\text{C}_2\text{H}_4$	Q : Etana//Ethane// $\text{C}_2\text{H}_6$	R : Asid ctanoik // Ethanoic acid // $\text{CH}_3\text{COOH}$
P : Alkena // alkene	Q : Alkana// alkane	R : Asid karbosilik// carboxylic acid

[9M]

(c) Tulis persamaan kimia bagi Tindak balas II. Jika  $480 \text{ cm}^3$  sebatian P digunakan, hitung isi padu sebatian Q yang terhasil.

[1 mol gas menempati  $24 \text{ dm}^3$  pada keadaan bilik]

*Write the chemical equation for Reaction II. If  $480 \text{ cm}^3$  of compound P is used, calculate the volume of compound Q produced.*

*[1 mol of gas occupies  $24 \text{ dm}^3$  at room temperature] [5 markah] [5 marks]*



3. Bil. mol sebatian P =  $480 / 24000 = 0.48 / 24 = 0.02$

No. of mole of compound P

4. nisbah

1 mol sebatian P menghasilkan 1 mol Q //

*1 mol compound P produce 1 mol Q //*

0.02 mol sebatian P menghasilkan 0.02 mol Q

*0.02 mol compound P produce 0.02 mol Q //*

5. Isi padu sebatian Q

*Volume of compound Q*

$$= 0.02 \times 24000 = 480 \text{ cm}^3$$

$$= 0.02 \times 24 = 0.48 \text{ dm}^3$$

[5M]

(d) Etanol boleh ditukarkan kepada sebatian R melalui Tindak balas III. Nyatakan jenis tindak balas dan kaedah yang digunakan dalam pertukaran itu serta nyatakan perubahan warna bagi larutan kalium dikromat(VI) berasid. Lukis gambarajah susunan radas bagi pertukaran etanol kepada sebatian P melalui Tindak balas I.

*Ethanol can be converted into compound R through Reaction III. State the type of reaction and state the method that is used in the conversion and state the colour changes of acidified potassium dichromate (VI) solution. Draw an apparatus set-up for the conversion of ethanol to compound P through Reaction I. [5 markah] [5 marks]*


1. Pengoksidaan // oxidation

2. Refluks // reflux

3. Jingga ke hijau // orange to green 1

r: oren

Wul kaca direndam dengan etanol,  $C_2H_5OH$



Rajah 2.14



[5M]

A. Siri Homolog, Formula umum dan Kumpulan berfungsi bagi  
*Homologous series, General formula and The functional group for*

Bil No	Siri Homolog <i>Homologous Series</i>	Formula Umum <i>General Formula</i>	Kumpulan Berfungsi <i>Functional Group</i>	
			Formula <i>Formula</i>	Nama <i>Name</i>
1.	Alkana <i>Alkane</i>	$C_nH_{2n+2}$	$\text{C}-\text{C}$	
2.	Alkena <i>Alkene</i>	$C_nH_{2n+2}$	$\text{C}=\text{C}$	
3.	Alkuna <i>Alkune</i>	$C_nH_{2n-2}$	$\text{C}\equiv\text{C}$	
4.	Alkohol <i>Alcohol</i>	$C_nH_{2n+1}OH$	$-\text{OH}$	<b>Hidroksil</b> <i>hydroxyl</i>
5.	Asid karboksilik <i>Carboxylic Acid</i>	$C_nH_{2n+1}COOH$	$-\text{COOH}$	<b>Karboksil</b> <i>carboxyl</i>
6.	Ester <i>Ester</i>	$C_nH_{2n+1}COOC_mH_{2m+1}$	$-\text{COO}-$	<b>Karboksilat</b> <i>carboxylate</i>

[2023-MRSM-05] Rajah 3 menunjukkan dua sebatian karbon di dalam botol reagen A dan B.

Diagram 3 shows two carbon compounds in reagent bottle A and B.

Botol reagen A/ Reagent bottle A	Botol reagen B/ Reagent bottle B
	

Rajah 3 / Diagram 3

(a) (i) Nyatakan maksud hidrokarbon. / State the definition of hydrocarbon.

Sebatian yang mengandungi karbon dan hidrogen sahaja //  
Compound containing carbon and hydrogen only

..... [1M]

(ii) Nyatakan kumpulan berfungsi bagi sebatian dalam botol reagen A.  
State the functional group of compound in reagent bottle A.

Ikatan ganda dua antara atom karbon//  
Double bond between carbon atoms// -C=C-

..... [1M]

(b) Sebatian dalam botol reagen B boleh dihasilkan daripada sebatian dalam botol reagen A melalui suatu tindak balas.

Compound in reagent bottle B can be produced from compound in reagent bottle A through a reaction.

(i) Apakah nama tindak balas ini? / What is the name of this reaction?

Penghidratan// Penambahan dengan stim  
Hydration// Addition of steam

..... [1M]

(ii) Tuliskan persamaan kimia bagi tindakbalas tersebut.  
Write a chemical equation for the reaction.



..... [1M]

(c) Puan Rahmah memerlukan bahan api yang tidak menyebabkan permukaan periuk barunya menjadi hitam. Berdasarkan Rajah 3, cadangkan sebatian yang sesuai digunakan sebagai bahan api untuk mengelakkan permukaan periuk menjadi hitam. Terangkan jawapan anda.

[ Jisim atom relatif: H = 1, C = 12, O = 16]

*Puan Rahmah needs a fuel which do not cause the surface of her new pot become black. Based on Diagram 3, suggest the suitable compound to be use as fuel to prevent the surface of pot become black. Explain your answer.*

[ Relative atomic mass: H = 1, C = 12, O = 16]

**P1** Sebatian dalam botol reagen B

Compound in reagent bottle B //  $C_5H_{11}OH$

**P2 & P3** Hitung % karbon mengikut jisim/

Calculation of % of carbon atom by mass for  $C_5H_{10}$  and  $C_5H_{11}OH$


Sebatian Compound	$C_5H_{10}$	$C_5H_{11}OH$
% C mengikut jisim by mass	$\frac{5(12) \times 100}{5(12)+10(1)} = 85.71\%$	$\frac{5(12) \times 100}{5(12)+11(1)+1(16)+1} = 68.18\%$

**P4** Peratusan karbon berdasarkan jisim bagi sebatian dalam botol reagen B/  $C_5H_{11}OH$  adalah lebih rendah daripada sebatian dalam botol reagen A/  $C_5H_{10}$ . Percentage of carbon by mass (per molecule) of compound in reagent bottle B/  $C_5H_{11}OH$  is lower than compound in reagent bottle A/  $C_5H_{10}$

..... [4M]

**[JUJ2022-Set01-06]** Rajah 6 menunjukkan tindak balas yang melibatkan sebatian P.

Diagram 6 shows the reactions involving compound P.




Berdasarkan Rajah 6, / Based on Diagram 6,

(a) (i) Nyatakan kumpulan berfungsi bagi sebatian P.  
*State the functional group for compound P.*

-OH // kumpulan hidroksil

..... [1M]

(ii) Lukis dua isomer bagi sebatian P.  
*Draw two isomers for compound P.*



[2M]

(b) Kenal pasti sebatian Q./ Identify compound Q.

Sebatian Q - Asid propanoik// C<sub>2</sub>H<sub>5</sub>COOH

..... [1M]

(c) (i) Kenal pasti siri homolog dan nyatakan nama sebatian R.  
*Identify homologous series and name compound R.*

Siri homolog/ Homologous series : .....

Nama/ Name : ..... [2M]

P1: Ester

P2 : Propil propanoat

(ii) Tulis persamaan kimia seimbang bagi tindak balas antara sebatian Q dan sebatian P untuk menghasilkan sebatian R.

*Write a balanced chemical equation for the reaction between compound Q and compound P to produce compound R.*

C<sub>2</sub>H<sub>5</sub>COOH + C<sub>3</sub>H<sub>7</sub>OH → C<sub>2</sub>H<sub>5</sub>COOC<sub>3</sub>H<sub>7</sub> + H<sub>2</sub>O

..... [2M]


(iii) Dalam satu eksperimen makmal, Faiz mendapati sebatian R berbau wangi. Cadangkan produk yang boleh dihasilkan oleh Faiz menggunakan sebatian R dalam kehidupan harian.

In a laboratory experiment, Faiz observed that compound R has fragrant smell. Suggest product that can be produced by Faiz by using compound R in daily life.

Bahan kosmetik// pewangi// perisa makanan  
*Cosmetics//perfumes//food flavors*

..... [1M]

**[MRSM2022-10]** Rajah 10.1 menunjukkan proses yang digunakan untuk mengasingkan petroleum dalam penghasilan pelbagai produk dalam industri.  
*Diagram 10.1 shows a process used to separate petroleum into various products in industry.*



Rajah 10.1 / Diagram 10.1

(a) (i) Nyatakan kaedah dan sifat fizik yang terlibat dalam proses pengasingan petroleum seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 10.1.

*State the method and physical properties involved in the separation process of petroleum as shown in Diagram 10.1.*


P1. Fractional distillation  
*Penyulingan berperingkat*

P2. Boiling point  
*Takat didih*

[2M]

(ii) 2,2,4-trimetilpentana dan butana adalah hasil sulingan petroleum. Lukiskan formula struktur untuk kedua-dua hasil sulingan.

2,2,4-trimethylpentane and butane are products of petroleum distillate. Draw the structural formulae for both distillates.



(b) Nafta adalah campuran hidrokarbon yang terdiri daripada 5 hingga 10 atom karbon. Salah satu hasil sulingan adalah heksana,  $C_6H_{14}$ .

*Naphtha is the mixture of hydrocarbon that consists of 5 to 10 carbon atoms. One of the distilled product is hexane,  $C_6H_{14}$ .*

Tulis persamaan kimia bagi pembakaran heksana.


Hitung isi padu gas karbon dioksida,  $CO_2$  yang dibebaskan pada keadaan bilik apabila 258 g heksana digunakan dalam pembakaran lengkap di atas. [Jisim atom relatif : H=1, C=12; 1 mol gas menempati  $24\text{ dm}^3\text{ mol}^{-1}$  pada keadaan bilik]

*Write the chemical equation for the combustion of hexane.*

*Calculate the volume of carbon dioxide,  $CO_2$  gas released at room condition when 258 g of hexane used in the complete combustion above.*

*[Relative atomic mass : H=1, C=12; 1 mol of gas occupies  $24\text{ dm}^3\text{ mol}^{-1}$  at room conditions]*

P1&P2.



$$\text{P3. No of mole } C_6H_{14} = 258 / (12(6)+14(1)) = 3 \text{ mol}$$

P4. 1 mol  $C_6H_{14}$  produce 6 mol  $CO_2$

3 mol  $C_6H_{14}$  produce 18 mol  $CO_2$


Note: Apply ecf P4 from PI & P2

P5. Volume of  $CO_2$  gas =  $18 \times 24 = 432\text{ dm}^3$

[5M]

**[Johor2022-SetB-11]** (a) Petroleum ialah campuran hidrokarbon. Petroleum perlu diasingkan kepada pelbagai komponennya melalui proses penyulingan berperingkat di kilang penapisan minyak seperti yang ditunjukkan dalam Rajah 10.1.

*Petroleum is a mixture of hydrocarbons. Petroleum must be separated into its various components through fractional distillation in petroleum1 process as shown in Diagram 10.1.*



Apakah yang dimaksudkan dengan hidrokarbon? Terangkan mengapa petroleum dapat diasingkan kepada komponennya secara penyulingan berperingkat.  
Namakan komponen X.

*What is meant by hydrocarbon? Explain why petroleum can be separated into its components by fractional distillation.*

*Name component X.*

Hidrokarbon adalah sebatian yang mengandungi karbon dan hidrogen sahaja.  
Hydrocarbon is compound that contain carbon and hydrogen only.

Petroleum adalah campuran hidrokarbon yang berlainan saiz //  
Petroleum adalah campuran hidrokarbon ringkas atau berantai panjang.

*Petroleum is the mixture of different size hydrocarbon //*  
*Petroleum is the mixture of simple or long chain hydrocarbons.*

Pecahan dalam petroleum dapat diasingkan kerana setiap pecahan hidrokarbon mempunyai takat didih tersendiri.

*Fractions in petroleum can be separated because each hydrocarbon fraction has its own boiling point.*

Komponen X: Bitumen

*Component X:*

..... [4M]

### Bab 3

**[SPM2022-05]** Butana,  $C_4H_{10}$  adalah sejenis hidrokarbon yang digunakan sebagai gas memasak. Persamaan termokimia berikut menunjukkan pembakaran gas butana.

*Butane,  $C_4H_{10}$  is a type of hydrocarbon used as cooking gas. The following thermochemical equation shows the combustion of butane gas.*



(a) Nyatakan jenis tindak balas bagi pembakaran gas butana.

*State the type of reaction for the combustion of butane gas.*

Tindak balas eksotermik / Exothermic reaction

..... [1M]


(b) Berdasarkan persamaan termokimia diberi,  
*Based on the thermochemical equation given,*

(i) lukis gambar rajah aras tenaga bagi tindak balas itu pada paksi yang disediakan.

*draw the energy level diagram for the reaction on the provided axis.*



[2M]



(ii) Nyatakan satu maklumat yang boleh dideduksikan daripada gambar rajah di 5(b)(i).

*State one information that can be deduced from the diagram in 5(b)(i).*

– Jumlah kandungan tenaga bahan tindak balas adalah lebih tinggi daripada jumlah kandungan tenaga produk.

*Total energy content of reactants is higher than total energy content of products.*

– 1 mol  $C_4H_{10}$  dibakar sepenuhnya atau bertindak balas dengan  $13/2$  mol  $O_2$  untuk menghasilkan 4 mol  $CO_2$  dan 5 mol  $H_2O$ .

*1 mol of  $C_4H_{10}$  is completely burned or reacts with  $13/2$  mol  $O_2$  to produce 4 mol  $CO_2$  and 5 mol  $H_2O$ .*

– Tenaga haba 2880 kJ dibebaskan ke persekitaran apabila 1 mol  $C_4H_{10}$  dibakar sepenuhnya.

*2880 kJ heat energy is released to the surroundings when 1 mol  $C_4H_{10}$  is completely burned.*

– Haba menyerap semasa pemecahan ikatan dalam bahan tindak balas lebih rendah daripada pelepasan haba semasa pembentukan ikatan dalam produk.

*The heat absorb during bond breaking in reactants lower than heat release during bond formation in products.*

(pilih mana-mana jawapan/ choose any of the answer)

..... [1M]

(iii) 48000 cm<sup>3</sup> gas butana,  $C_4H_{10}$  terbakar lengkap dalam oksigen berlebihan.

Hitung perubahan haba bagi tindak balas itu.

[ 1 mol sebarang gas menempati 24 dm<sup>3</sup> pada keadaan bilik]

*48000 cm<sup>3</sup> of butane gas,  $C_4H_{10}$  is burned completely in excess oxygen.*

*Calculate the heat change of the reaction.*

[ 1 mol of any gas occupies 24 dm<sup>3</sup> at room conditions]

Bilangan mol/mol of  $C_4H_{10}$

$$= \frac{48}{24} = 2$$

atau

$$\frac{48000}{24000} = 2$$

Perubahan haba/Heat change

$$= 2880 \text{ kJ mol}^{-1} \times 2 \text{ mol} = 5760 \text{ kJ}$$

$$\text{atau } 2880 \text{ }000 \text{ J mol}^{-1} \times 2 \text{ mol} = 5760 \text{ }000 \text{ J}$$

[2M]

(c) Nilai bahan api ialah jumlah tenaga haba yang terbebas apabila 1 g bahan api terbakar lengkap dalam oksigen. Jadual 2 menunjukkan tiga jenis bahan api dengan nilai bahan api masing-masing.

*The fuel value is the amount of heat energy released when 1 g of fuel is burned completely in oxygen. Table 2 shows three types of fuel with their fuel value respectively.*

Jenis bahan api/ Type of fuel	Nilai bahan api ( $\text{kJ g}^{-1}$ )/ Fuel value ( $\text{kJ g}^{-1}$ )
Hidrogen/ Hydrogen	143
Etanol/ Ethanol	30
Petrol/ Petrol	34

Jadual 2/ Table 2

Berdasarkan Jadual 2, bahan api manakah yang lebih baik daripada petrol?  
Berikan satu sebab.

Based on Table 2, which fuel is better than petrol? Give one reason.

Hidrogen.

Hydrogen



Hidrogen membebaskan jumlah tenaga haba yang lebih tinggi daripada etanol apabila 1 g bahan api dibakar sepenuhnya atau Perbezaan dalam nilai bahan api hidrogen adalah lebih tinggi berbanding dengan petrol.


*Hydrogen releases higher amount of heat energy than ethanol when 1 g of fuel is burned completely or Difference in fuel value hydrogen is higher as compared to petrol.*

[2M]

**[SPM2021-V1-10]** (a) Rajah 7 menunjukkan dua set eksperimen yang dijalankan oleh seorang pelajar untuk mengkaji haba pemendakan bagi kuprum(II) karbonat dan bahan Y.

Diagram 7 shows two sets of experiments carried out by a student to investigate the heat of precipitation of copper(II) carbonate and substance Y.

Set	Susunan radas/ Apparatus set-up
I	<p style="text-align: center;"><math>29^\circ\text{C}</math></p>  <p style="text-align: center;"><math>29^\circ\text{C}</math></p> <p style="text-align: center;">+</p> <p style="text-align: center;"><math>33^\circ\text{C}</math></p>  <p style="text-align: right;"> <b>Kuprum(II) karbonat Copper(II) carbonate</b> </p> <p>100 <math>\text{cm}^3</math> larutan kuprum(II) sulfat  <math>0.1 \text{ mol dm}^{-3}</math></p> <p>100 <math>\text{cm}^3</math> of  <math>0.1 \text{ mol dm}^{-3}</math>  copper(II)  sulphate solution</p> <p>100 <math>\text{cm}^3</math> larutan X karbonat  <math>0.1 \text{ mol dm}^{-3}</math></p> <p>100 <math>\text{cm}^3</math> of  <math>0.1 \text{ mol dm}^{-3}</math>  X carbonate solution</p> <p style="text-align: right;"> <b>Suhu tertinggi yang dicapai</b>  <i>The highest temperature reached</i> </p>



Rajah 7/ Diagram 7

Berdasarkan Rajah 7,/ Based on Diagram 7,

(I) nyatakan definisi bagi haba pemendakan dan warna bagi kuprum(II) karbonat yang terhasil  
*state the definition of heat of precipitation and the colour of copper(II) carbonate formed [2 markah] [2 marks]*

Haba yang dibebaskan apabila 1 mol pemendapan  $\text{CuCO}_3/\text{MgSO}_4$  terbentuk dari ion-ionya dalam larutan akues//  
*Heat released when 1 mole of precipitate  $\text{CuCO}_3/\text{MgSO}_4$  is formed from its ions in aqueous solution*

Green  
Hijau  
..... [2M]

(ii) cadangkan larutan X karbonat dan bahan Y  
*suggest X carbonate solution and substance Y*

Larutan X karbonat: Larutan natrium / kalium / ammonium karbonat //  
X: carbonate solution Sodium / potassium / ammonium carbonate.

Bahan Y  $\text{MgCO}_3$  // Magnesium karbonat //  
Substance Y : Magnesium Carbonate  
..... [2M]

(iii) hitung haba pemendakan bagi tindak balas dalam Set I dan Set II  
[Diberi muatan haba tentu bagi larutan ialah  $C = 4.2 \text{ Jg}^{-1} \text{ }^{\circ}\text{C}^{-1}$ ; ketumpatan larutan =  $1 \text{ g cm}^{-3}$ ]  
calculate the heat of precipitation of the reaction in Set I and Set II  
[Given the specific heat capacity of solution is  $C = 4.2 \text{ Jg}^{-1} \text{ }^{\circ}\text{C}^{-1}$ ; density of solution =  $1 \text{ g cm}^{-3}$ ] [6 markah] [6 marks]

1. Perubahan haba untuk Set I

$$\text{Perubahan haba} = (200 \times 4.2 \times 4) = 3360 \text{ J} = 3.36 \text{ kJ}$$

Heat change

2. Bil mol untuk Set 1

$$\text{Bil. Mol} = 100 \times 0.1 / 1000 = 0.01$$

3. Haba pemendakan bagi Set I

$$-3360 / 0.01 // -33600 \text{ J mol}^{-1} // -336 \text{ kJ mol}^{-1}$$

1. Perubahan haba untuk Set II

$$\text{Perubahan haba} = (200 \times 4.2 \times 3) // 2520 \text{ J} // 2.52 \text{ kJ}$$

Heat change

2. Bil mol untuk Set II

$$\text{Bil. Mol} = 100 \times 0.1 / 1000 // 0.01$$

3. Haba pemendakan bagi Set II

$$+2520 / 0.01 // +252000 \text{ J mol}^{-1} // +252 \text{ kJ mol}^{-1}$$


[6M]

(iv) nyatakan jenis tindak balas yang berlaku dalam Set I dan Set II. Bandingkan perbezaan jenis tindak balas bagi Set I dan Set II dari segi perubahan suhu, perbezaan kandungan tenaga bahan tindak balas dan hasil tindak balas serta perubahan tenaga sewaktu pemecahan ikatan dan pembentukan ikatan. Lukis gambar rajah aras tenaga bagi Set I atau Set II.


state the type of reaction that occurs in Set I and Set II. Compare the difference in the type of reaction for Set I and Set II in terms of the change in temperature, difference in energy content of reactants and products and energy changes during bond breaking and bond formation. Draw the energy level diagram for Set I or Set II. [7 markah] [7 marks]

Set I	Set II
Tindak balas eksotermik <i>Exothermic reaction</i>	Tindak balas Endotermik <i>Endothermic reaction</i>
Suhu tindak balas meningkat Temperature of reaction increases	Suhu tindak balas menurun Temperature of reaction decreases
Kandungan tenaga bahan tindak balas lebih tinggi daripada hasil tindak balas <i>Energy content of reactants is higher than energy content of products</i>	Kandungan tenaga bahan tindak balas lebih rendah daripada hasil tindak balas <i>Energy content of reactants is lower than energy content of products</i>
Tenaga haba dibebaskan sewaktu pembentukan ikatan lebih tinggi dari tenaga haba yang diserap sewaktu pemecahan ikatan. <i>Heat energy released during formation of bond is higher than heat energy absorbed during breaking of bond</i>	Tenaga haba diserap sewaktu pemecahan ikatan lebih tinggi dari tenaga haba yang dibebaskan sewaktu pembentukan ikatan. <i>Heat energy released during breaking of bond is higher than heat energy absorbed during formation of bond</i>

Set I



Set II



[7M]

(b) Jadual 6 menunjukkan haba peneutralan bagi larutan natrium hidroksida dan dua jenis asid iaitu asid P dan asid Q.

Table 6 shows heat of neutralisation of sodium hydroxide solution and two types of acids which are acid P and acid Q.

Set	Eksperimen Experiment	Haba peneutralan Heat of neutralisation (kJ mol <sup>-1</sup> )
I	50 cm <sup>3</sup> asid P 0.1 mol dm <sup>-3</sup> + 50 cm <sup>3</sup> larutan natrium hidroksida 0.1 mol dm <sup>-3</sup> 50 cm <sup>3</sup> 0.1 mol dm <sup>-3</sup> acid P + 50 cm <sup>3</sup> 0.1 mol dm <sup>-3</sup> sodium hydroxide solution	-57.5
II	50 cm <sup>3</sup> asid Q 0.1 mol dm <sup>-3</sup> + 50 cm <sup>3</sup> larutan natrium hidroksida 0.1 mol dm <sup>-3</sup> 50 cm <sup>3</sup> 0.1 mol dm <sup>-3</sup> acid Q + 50 cm <sup>3</sup> 0.1 mol dm <sup>-3</sup> sodium hydroxide solution	-54.5

Jadual 6/ Table 6

Berdasarkan maklumat Jadual 6, terangkan mengapa terdapat perbezaan haba peneutralan antara Set I dan Set II.

Based on the information in Table 6, explain why there is a difference in heat of neutralisation between Set I and set II. [3 markah] [3 marks]

Set I menggunakan asid kuat/ asid yang mengion lengkap dalam air manakala Set II menggunakan asid lemah/ asid yang mengion separa dalam air  
*Set I uses strong acid while set II uses weak acid*

Asid p mengion lengkap dalam air untuk menghasilkan kepekatan ion H<sup>+</sup> yang tinggi// Asid Q mengion separa dalam air menghasilkan kepekatan ion H<sup>+</sup> yang rendah

*Asid P ionises completely in water to produce high concentration of H<sup>+</sup> ions  
 Acid Q ionises partially in water to produce low concentration of H<sup>+</sup> ions.*

Dalam Set II // asid Q, sebahagian haba diserap untuk mengion lengkap asid Q.  
*In Set II // acid Q, some of the heat is absorbed to completely ionise acid Q*

..... [3M]


**[2023-Kedah-05]** Rajah 5 menunjukkan susunan radas untuk menentukan haba pemendakan bagi magnesiurn karbonat, MgCO<sub>3</sub>.

*Diagram 5 shows the apparatus set-up to determine the heat of precipitation for magnesium carbonate, MgCO<sub>3</sub>.*

25 cm<sup>3</sup> larutan natrium

karbonat 1.0 mol dm<sup>-3</sup>

25 cm<sup>3</sup> of 1.0 mol dm<sup>-3</sup> of sodium carbonate



Rajah 5 / Diagram 5

Keputusan yang diperoleh daripada eksperimen itu direkod dalam Jadual 5, *Result obtained from the experiment is recorded in Table 5.*

Penerangan <i>Description</i>	Suhu (°C) <i>Temperature</i>
Suhu awal larutan natrium karbonat 1.0 mol dm <sup>-3</sup> <i>Initial temperature of 1.0 mol dm<sup>-3</sup> of sodium carbonate solution</i>	29.0
Suhu awal larutan magnesium nitrat 1.0 mol dm <sup>-3</sup> <i>Initial temperature of 1.0 mol dm<sup>-3</sup> of magnesium nitrate solution</i>	28.0
Suhu terendah campuran <i>Lowest temperature of the mixture</i>	25.0

Berdasarkan eksperimen ini,/ *Based on this experiment,*

(a) (i) Nyatakan maksud haba pemendakan.  
*State the meaning of heat of precipitation.*

Perubahan haba/ haba yang dibebaskan apabila 1 mol mendakan magnesium karbonat terbentuk daripada ion-ionnya dalam larutan akueus

*Heat changes / heat released when 1 mol of magnesium carbonate precipitate is formed from its ions in an aqueous solution*


..... [1M]

(ii) Nyatakan jenis tindak balas tersebut./ *State the type of the reaction.*

Endotermik // *Endothermic*

..... [1M]

(iii) Tuliskan persamaan ion bagi tindak balas pemendakan yang berlaku.  
*Write the ionic equation for the precipitation reaction occurs.*



..... [1M]

(b) Hitung perubahan haba pemendakan dalam tindak balas itu,  
[Muatan haba tentu bagi larutan,  $c = 4.2 \text{ J g}^{-1} \text{ }^{\circ}\text{C}^{-1}$ ;

Ketumpatan larutan =  $1 \text{ g cm}^{-3}$ )

*Calculate the heat of precipitation in the reaction*

[Specific heat capacity of solution,  $c = 4.2 \text{ J g}^{-1} \text{ }^{\circ}\text{C}^{-1}$ ;

Density of solution =  $1 \text{ g cm}^{-3}$ ]

$$P1: = (25)(1.0)/1000 = 0.025$$

$$P2: = [(25+25 // 50)(4.2)(3.5)] \text{ kJ} // 735 \text{ J} // 0.735 \text{ kJ}$$

$$P3: = +(0.735 \text{ kJ} / 0.025) \text{ kJ mol}^{-1} // + 29.4 \text{ kJ mol}^{-1}$$

[3M]

(c) Eksperimen diulang bagi menggantikan  $25 \text{ cm}^3$  larutan natrium karbonat  $1.0 \text{ mol dm}^{-3}$  dengan  $25 \text{ cm}^3$  larutan kalium karbonat  $1.0 \text{ mol dm}^{-3}$ . Ramalkan haba pemendakan yang akan diperoleh. Jelaskan jawapan anda.

The experiment is repeated by replacing  $25 \text{ cm}^3$   $1.0 \text{ mol dm}^{-3}$  of sodium carbonate solution with  $25 \text{ cm}^3$  of  $1.0 \text{ mol dm}^{-3}$  of potassium carbonate solution. Predict the heat of precipitation obtained. Explain your answer.

P1:  $+29.4 \text{ kJ mol}^{-1}$  // sama // kekal // same // no change


P2: Ion natrium merupakan ion penonton dan apabila digantikan dengan ion kalium tidak menyebabkan perubahan kepada bilangan mol // tidak terlibat dalam tindak balas mendakan magnesium karbonat yang terbentuk.

Sodium ions are spectator ions and when replaced by potassium ions do not cause a change in the number of moles // not involved in the reaction of magnesium carbonate precipitate formed.

[2M]

**[2023-SBP-04]** Seorang murid menjalankan satu eksperimen bagi menentukan nilai  $x$  bagi tindak balas antara  $50 \text{ cm}^3$  larutan kuprum(II) sulfat  $0.2 \text{ mol dm}^{-3}$  dengan serbuk zink. Rajah 4 menunjukkan gambar rajah aras tenaga bagi tindak balas itu

*A student carried out an experiment to determine the value of  $x$  for the reaction  $50 \text{ cm}^3$  of  $0.2 \text{ mol dm}^{-3}$  copper(II) sulphate solution with zinc powder. Diagram 4 shows the energy level diagram for the reaction.*



Rajah/ Diagram 4

- (a) Apakah yang diwakili oleh simbol  $\Delta H$ ?  
*What is represented by the symbol of  $\Delta H$ ?*

Haba penyesaran// haba tindak balas  
*Heat of displacement// heat of reaction*

[1M]

- (b) Berdasarkan Rajah 4, nyatakan jenis tindak balas yang berlaku.  
*Based on Diagram 4, state the type of reaction occur.*

Eksotermik // Exothermic  
 Penyesaran// Displacement

[1M]

- (c) Jadual 4 menunjukkan keputusan bagi eksperimen yang dijalankan itu.  
*Table 4 shows the result of the experiment that was carried out.*

Penerangan <i>Descriptions</i>	Suhu ( $^{\circ}\text{C}$ ) <i>Temperature (<math>^{\circ}\text{C}</math>)</i>
Suhu awal larutan kuprum(II) sulfat <i>Initial temperature of copper(II) sulphate solution</i>	28.0
Suhu tertinggi campuran <i>The highest temperature of the mixture</i>	38.0

Jadual/ Table 4

(i) Hitungkan perubahan haba bagi tindak balas itu.

*Calculate the heat change for the reaction.*

[Muatan haba tentu larutan,  $c = 4.2 \text{ J g}^{-1} \text{ }^{\circ}\text{C}^{-1}$ ;

Ketumpatan larutan =  $1 \text{ g cm}^{-3}$ ]

[Specific heat capacity of solution,  $c = 4.2 \text{ J g}^{-1} \text{ }^{\circ}\text{C}^{-1}$ ;

Density of solution =  $1 \text{ g cm}^{-3}$ ]

$$50 \times 4.2 \times 10 \text{ J} // 2100 \text{ J} // 2.1 \text{ kJ}$$

[1M]

(ii) Hitungkan nilai x./ *Determine the value of x.*

[Dapat menghitung nilai x dengan betul]

1. Bilangan mol

2. Nilai x

**Contoh jawapan:**

1. Bilangan mol =  $50 \times 0.2 / 1000 // 0.01$

2. Nilai x =  $2.1 / 0.01 // 210$

r : Jika murid menulis tanda [-] pada nilai x

(Nota: unit dan tanda [-] telah diberikan dalam Rajah 4)

-210 (reject)

210  $\text{kJmol}^{-1}$  (reject)

-210  $\text{kJmol}^{-1}$  (accept)

[2M]

(iii) Ramalkan nilai x jika isi padu larutan kuprum(II) sulfat bertambah kepada  $100 \text{ cm}^3$  manakala bahan dan kuantiti yang lain dikekalkan. Berikan sebab.

*Predict the value of x if the volume of copper(II) sulphate solution increases to  $100 \text{ cm}^3$  while other materials and quantity are remained. Give reason.*

Sama // same

Kuantiti haba yang dibebaskan bagi satu mol adalah sama//

*quantity of heat released for one mol is the same*

Tetap menghasilkan 1 mol Cu//

*Still produce 1 mol of Cu*

..... [2M]

**[2023-NegeriSembilan-08]** Jadual 4 menunjukkan haba pembakaran beberapa bahan api.

Table 4 shows the heat of combustion of some fuels.

Bahan api <i>Fuel</i>	Haba pembakaran (kJ mol <sup>-1</sup> ) <i>Heat of combustion (kJ mol<sup>-1</sup>)</i>
Metana/ <i>Methane</i>	-890
Propana/ <i>Propane</i>	-2230
Etanol/ <i>Ethanol</i>	-1376
Propanol/ <i>Propanol</i>	-2016

(a) Pembakaran bahan api adalah tindak balas eksotermik. Apakah yang dimaksudkan dengan tindak balas eksotermik?

*The combustion of fuel is an exothermic reaction. What is meant by exothermic reaction?*

Tindak balas yang membebaskan tenaga haba ke persekitaran  
*Reaction that gives out / releases heat energy to the surrounding*


..... [1M]

(b) Rajah 7 menunjukkan profil tenaga bagi pembakaran propanol.  
*Diagram 7 shows the energy profile for the combustion of propanol.*

Tandakan  $\Delta H$  bagi tindak balas tersebut dalam Rajah 7.

*Mark  $\Delta H$  for the reaction in Diagram 7.*

**Jawapan:**



(c) (i) Bandingkan haba pembakaran metana dan propana.  
*Compare the heat of combustion of methane and propane.*

Haba pembakaran propana lebih tinggi daripada metana // Sebaliknya  
*Heat of combustion of propane is higher than methane // Vice versa*

..... [1M]

(ii) Terangkan jawapan anda di 8(c)(i). / *Explain your answer in 8(c)(i).*

1. Bilangan atom karbon per molekul propana lebih tinggi  
*The number of carbon atoms per molecule ofpropane is higher*

2. Lebih banyak karbon dioksida / air terhasil //  
*More carbon dioxide / water are produced*

..... [2M]

(d) Hitungkan nilai bahan api bagi etanol.

*Calculate the fuel value of ethanol.*

[Jisim atom relative/ Relative atomic mass: H=1,C=12, O=16]

[2M]

1. Jisim molekul relatif etanol dengan betul

2. Nilai bahan api bagi etanol dengan unit yang betul

Jawapan:

1.  $JMR_{Etanol} / RMM_{Ethanol} = 2(12) + 6(1) + 16 = 46$

2. Nilai bahan api / Fuel value

=  $1376 \div 46 \text{ kJ g}^{-1} / 29.9 \text{ kJ g}^{-1}$

(e) Semasa perlawanan bo la sepak, seorang pemain mendapati lututnya bengkak selepas berlanggar dengan pemain lawan. Untuk melegakan kesakitan, lututnya perlu diletakkan sesuatu yang sejuk. Dengan menggunakan pengetahuan kimia, pilih bahan-bahan yang betul untuk melegakan kesakitan pemain itu:

*During a football game, a player found that his knee was swollen after being hit by the opponent. To relieve the pain, his knee should be put with something cold. By using chemistry knowledge, choose the correct materials to relieve the player's pain:*

- Beg plastik/ Plastic bag
- Air/ Water
- Serbuk natrium hidroksida/ Sodium hydroxide powder
- Serbuk ammonium nitrat/ Ammonium nitrate powder

Huraikan bagaimana kesakitan pemain itu dapat dilegakan.

*Describe how the player's pain can be relieved.*

[Dapat memilih bahan yang sesuai dan menghuraikan bagaimana dapat melegakan kesakitan pemain itu]

1. Bahan-bahan yang betul

2. Kaedah yang betul

Contoh jawapan:

1. Air dan serbuk ammonium nitrat

*Water and ammonium nitrate powder*

2. Campurkan air dan serbuk ammonium nitrat dalam sebungkus beg plastik

*Mix water and ammonium nitrate powder into a small plastic bag*

3. Letakkan beg plastik itu di atas lutut yang bengkak.

*Put the plastic bag on the swollen knee*

..... [3M]

**[Pahang PPD Jerantut 2022-11]** Artikel di bawah merujuk kepada trem pertama di dunia yang menggunakan bahan api hydrogen.

*The article below refers to the first tram in the world using hydrogen fuel.*



### TREM BERKUASA HIDROGEN DIBANGUNKAN DI CHINA

Dalam usaha untuk mengurangkan pembebasan gas rumah hijau yang banyak dan berbahaya, syarikat SIFANG telah mencipta trem berkuasa hidrogen pertama di China. Trem tersebut beroperasi sepenuhnya dengan sel bahan api hidrogen. Apabila 1 mol hidrogen dibakar, haba terbebas ialah 282 kJ. Kelajuan yang tertinggi hanyalah 70 kilometer sejam dan digunakan di kawasan bandar sahaja. Trem ini direka untuk membawa 380 penumpang.

### **HYDROGEN POWERED TRAMS DEVELOPED IN CHINA**

*In order to reduce the abundant emissions of dangerous greenhouse gases in China, a Chinese company SIFANG has invented the first hydrogen-powered tram in the world. The trams will be operated entirely by hydrogen fuel cells. When 1 mole of hydrogen is burnt, the heat released is 282 kJ. The highest speed is only 70 kilometers per hour and it will operate in urban areas only. Each tram is designed to carry 380 passengers.*

(Sumber: <http://www.alternative-energy-news.info/hydrogen-powered-tram>)

Berdasarkan artikel:/ Based on the article above:

- (a) (i) Adakah tindak balas tersebut tindak balas endotermik atau eksotermik? Jelaskan jawapan anda.

*Is the reaction endothermic or exothermic? Explain your answer. [2 marks]*

- 1.Tindak balas eksotermik  
2.Haba dibebaskan

- (ii) Tuliskan persamaan termokimia bagi pembakaran hidrogen, dan lukis gambar rajah aras tenaga untuk pembakaran hidrogen.

*Write the thermochemical equation for the combustion of hydrogen and construct an energy level diagram for the combustion of hydrogen. [5 marks]*


Persamaan kimia seimbang berserta nilai  $\Delta H$ .



Label paksi tenaga

Aras tenaga bahan dan hasil

Formula bahan dan hasil berserta nilai haba pembakaran



(b) Dalam satu eksperimen, 100 g cecair hidrogen dibakar dalam oksigen berlebihan. Hitung jumlah tenaga yang dibebaskan apabila 100 g hidrogen dibakar. [Jisim atom relatif: H = 1].

*In an experiment, 100 g of hydrogen liquid is burnt in excess oxygen. Calculate the total energy released when 100 g of hydrogen is burnt. [Relative atomic mass: H = 1]. [3 marks]*

1. Bilangan mol hidrogen =  $100/2 = 50 \text{ mol}$
2. 1 mol hidrogen membebaskan 282 kJ tenaga
3. Maka 50 mol hidrogen membebaskan  
 $50 \text{ mol} \times 282 \text{ kJ mol}^{-1} = \mathbf{14100 \text{ kJ}}$

(c) Wajarkan penggunaan hidrogen sebagai bahan api fossil.

*Justify the use of hydrogen as a fossil fuel. [3 marks]*

Menyatakan setuju atau tidak setuju berserta dengan alasan yang sesuai.

*Contoh:*

Setuju hidrogen digunakan sebagai bahan api kerana hidrogen merupakan bahan api yang bersih kerana pembakarannya hanya menghasilkan air.

Bahan api hidrogen juga bersifat tenaga yang boleh diperbaharui.

*Atau*

Tidak setuju hidrogen sebagai bahan api

Kerana hidrogen merupakan gas yang mudah terbakar dan penyimpanannya adalah sukar.

Kos penghasilan bahan api hidrogen juga adalah mahal.

(d) Dalam satu eksperimen  $50\text{cm}^3$  asid kuat monoprotik dicampurkan dengan  $50\text{cm}^3$  larutan natrium hidroksida, NaOH di dalam cawan polistirena. Kepekatan asid dan alkali adalah sama. Suhu campuran itu bertambah sebanyak  $6.5^\circ\text{C}$ . Tulis persamaan kimia seimbang bagi tindak balas itu. Hitungkan nilai haba yang dibebaskan dalam eksperimen itu.

Bandingkan jumlah haba yang dibebaskan jika eksperimen diulang dengan menggunakan asid etanoik. Jelaskan.

**[Muatan haba tentu larutan,  $c = 4.2 \text{ J g}^{-1} \text{ }^\circ\text{C}^{-1}$ ; ketumpatan larutan =  $1 \text{ g cm}^{-3}$ ]**

In an experiment,  $50 \text{ cm}^3$  of strong monoprotic acid is mixed with  $50 \text{ cm}^3$  of sodium hydroxide,  $\text{NaOH}$  solution in a polystyrene cup. The concentrations of the acid and alkali are the same. The temperature of the mixture increases by  $6.5^\circ\text{C}$ . Write a balanced chemical reaction for the reaction. Calculate the heat released in the experiment.

Compare the total heat released if the experiment is repeated with ethanoic acid. Explain.

[Specific heat capacity of solution,  $c = 4.2 \text{ J g}^{-1} \text{ }^\circ\text{C}^{-1}$ ; density of solution =  $1 \text{ g cm}^{-3}$ ]

[7 marks]



Atau



$$Q = 100 \times 42 \times 6.5 \\ = 2730 \text{ J}$$

-Jumlah haba yang dibebaskan menggunakan asid etanoik adalah lebih rendah daripada menggunakan asid hidroklorik / asid nitrik.


-Asid etanoik adalah asid lemah manakala asid hidroklorik adalah asid kuat.

-Asid lemah mengion separa dalam air dan sebahagian kekal sebagai molekul.

-Sebahagian haba yang dibebaskan diserap semula dan digunakan untuk mengionkan asid etanoik dengan lengkap.

**[2023-Perlis-11]** Rajah 10.1 menunjukkan profil aras tenaga bagi satu tindak balas.

Diagram 10.1 shows an energy level diagram for a reaction.



(a) Nyatakan maksud tindak balas eksotermik.

*State the meaning of exothermic reaction.[1 markah][1 mark]*

Tindak balas kimia yang membebaskan haba ke persekitaran.

*Chemical reactions that release heat to the surrounding.*

(b) Berdasarkan Rajah 10.1,/ *Based on the Diagram 10.1,*

(i) Nyatakan jenis tindak balas dan terangkan.

*State type of reaction and explain.[2 markah][2 marks]*

Tindak balas eksotermik.


*Exothermic reaction.*

Tenaga haba yang dibebaskan semasa pembentukan ikatan dalam hasil tindak balas lebih besar berbanding tenaga haba yang diserap untuk memutuskan ikatan dalam bahan tindak balas.

*The heat energy released during the formation of bonds in the reaction products is greater than the heat energy absorbed to break the bonds in the reactants. .*

(ii) Tuliskan persamaan kimia bagi tindak balas yang terlibat.

*Write the chemical equation of the reaction involved.[2 markah][2 marks]*



(iii) Kira haba tindak balas,  $\Delta H$ ./ *Calculate heat of reaction,  $\Delta H$ .[2 markah][2 marks]*

Haba diserap ketika pemutusan ikatan =  $1358 \text{ kJ mol}^{-1}$

*Haba dibebaskan ketika pembentukan ikatan =  $1836 \text{ kJ mol}^{-1}$*

Heat absorbed to break down the bond =  $1358 \text{ kJ mol}^{-1}$

*Heat released during formation of bond =  $1836 \text{ kJ mol}^{-1}$*

Perbezaan/Difference

$$= (1358 - 1836) \text{ kJ mol}^{-1}$$

$$= - 478 \text{ kJ mol}^{-1}$$

(c) Jadual 5 menunjukkan haba peneutralan bagi larutan kalium hidroksida dan dua jenis asid iaitu asid X dan asid Y.

*Table 5 shows the heat of neutralisation of potassium hydroxide and two types of acids which are acid X and acid Y.*

Set	Eksperimen <i>Experiment</i>	Haba peneutralan <i>Heat of neutralisation</i> ( $\text{kJ mol}^{-1}$ )
I	50 cm <sup>3</sup> 0.1 mol dm <sup>-3</sup> kalium hidroksida dan 50 cm <sup>3</sup> 0.1 mol dm <sup>-3</sup> asid X 50 cm <sup>3</sup> 0.1 mol dm <sup>-3</sup> potassium hydroxide and	-57.2

	50 cm <sup>3</sup> 0.1 mol dm <sup>-3</sup> acid X	
II	50 cm <sup>3</sup> 0.1 mol dm <sup>-3</sup> kalium hidroksida dan 50 cm <sup>3</sup> 0.1 mol dm <sup>-3</sup> asid Y 50 cm <sup>3</sup> 0.1 mol dm <sup>-3</sup> potassium hydroxide and 50 cm <sup>3</sup> 0.1 mol dm <sup>-3</sup> acid Y	-55.8

Cadangkan asid X dan asid Y. Terangkan mengapa terdapat perbezaan haba peneutralan antara set I dan set II.

*Suggest acid X and acid Y. Explain why there is a difference in heat of neutralisation between set I and set II. [6 markah] [6 marks]*

Asid X : Asid hidroklorik/asid nitrik/asid sulfurik (Sebarang asid kuat diterima)  
*Acid X : Hydrochloric acid/nitric acid/sulphuric acid (any strong acid acceptable)*

Asid Y : Asid etanoik/asid karbonik/asid fosforik (Sebarang asid lemah diterima)  
*Acid Y : Ethanoic acid/carbonic acid/phosphoric acid (any weak acid acceptable)*

Asid X adalah asid kuat yang mengion secara lengkap di dalam air untuk menghasilkan kepekatan ion hidrogen yang tinggi.

*Acid X is a strong acid that ionises completely in water to produce a high concentration of hydrogen ions.*

Asid Y adalah asid lemah yang mengion secara separa di dalam air untuk menghasilkan kepekatan ion hidrogen yang rendah.

*Acid Y is a weak acid that partially ionise in water to produce a low concentration of hydrogen ions.*

Haba peneutralan di set II lebih rendah berbanding set I.

Sebahagian haba di serap semula oleh asid lemah untuk mengion lengkap.

*Heat of neutralisation on set II is lower than set I.*

*Some of the heat is reabsorbed by the weak acid to completely ionize.*

(d) (i) Rajah 10.2 menunjukkan satu pek pemanas sendiri nasi beriani yang dibawa oleh Ekhwan ketika mendaki bukit.

*Diagram 10.2 shows a self-heating pack of biryani rice carried by Ekhwan during hill climbing.*




Rajah 10.2 / Diagram 10.2

Wajarkan penggunaan pek pemanas sendiri.

*Justify uses of a self-heating pack.[2 markah][2 marks]*

(ii)



Rajah 10.3 / Diagram 10.3

Ekhwan terseluh dan kakinya membengkak. Beliau memerlukan pek penyejuk. Sebagai seorang pelajar kimia, sediakan bahan-bahan yang bersesuaian di rumah dan kaedah untuk menyediakan pek penyejuk. Terangkan fungsi pek penyejuk.  
*Ekhwan sprained his leg and his leg was swollen. He needs a cooling pack. As a chemistry student, provide the appropriate materials in house and methods to prepare a cooling pack. Explain the function of the cooling pack.*

[5 markah] [5 marks]

**Wajar / Justified**

memudahkan/senang untuk panaskan makanan  
*easy/easy to heat food*

**(Sebarang jawapan yang munasabah)  
(any reasonable answer)**

Atau/ or

**Tidak wajar / Inappropriate**

makanan bungkus tidak baik untuk kesihatan (Sebarang jawapan yang munasabah)  
*wrapped food is not good for health (any reasonable answer)*

## Bab 4

**[SPM2022-07]** (a) Jadual 3 menunjukkan tiga jenis polimer dan kegunaannya dalam kehidupan sehari-hari.

Table 3 shows three types of polymers and their uses in daily life.

Polimer <i>Polymer</i>	Kegunaan <i>Use</i>
Y	Beg plastik, plastik pembungkus <i>Plastic bag, plastic wrap</i>
Polipropena <i>Polypropene</i>	Karpet, alat permainan <i>Carpet, toy</i>
Poliisoprena <i>Polyisoprene</i>	Sarung tangan pembedahan, gelang getah <i>Surgical gloves, rubber band</i>

Berdasarkan Jadual 3, / Based on Table 3,

(i) nyatakan maksud polimer./ state the meaning of polymer.

Polimer ialah molekul rantai panjang yang terhasil daripada percantuman banyak ulangan unit asas.

*A polymer is a long chain molecule that is made from a combination of many repeating basic units.*

..... [1M]


(ii) kenal pasti polimer Y./ identify polymer Y.

Poliethena atau Politena  
*Polyethene or Polythene*

..... [1M]

(iii) tunjukkan bagaimana polipropena dihasilkan daripada monomernya dalam tindak balas pempolimeran.

*show how polypropene is produced from its monomer in polymerisation reaction.*



[2M]


(iv) pilih polimer yang dikelaskan sebagai elastomer.  
*choose the polymer that is classified as elastomer.*

Poliisoprena / Polyisoprene

..... [1M]

(b) Rajah 5 menunjukkan pemerhatian apabila larutan L dan larutan M ditambah kepada lateks.

*Diagram 5 shows the observations when solution L and solution M are added to the latex.*



Rajah 5/ Diagram 5

Cadangkan larutan L dan larutan M. Terangkan mengapa terdapat perbezaan dalam pemerhatian bagi setiap bikar selepas 30 minit.

*Suggest solution L and solution M. Explain why there is a difference in the observation for each beaker after 30 minutes.*

